KERATAN AKHBAR
ISU-ISU INTEGRITI
TAHUN 2026

OGOS

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

BERITA HARIAN

01.08.2026 (SABTU)

SPRM terima 4 laporan dakwaan sogokan wang tunai kempen PRN Negeri Sembilan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerima empat laporan berkaitan dakwaan pemberian wang tunai pada kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan, kelmarin.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata daripada jumlah itu, dua laporan membabitkan calon, manakala dua lagi membabitkan pengundi.

Katanya, semua laporan yang diterima adalah berhubung dakwaan pemberian wang tunai dan sedang diteliti SPRM.

"Kita membuka bilik gerakan sempena PRN Negeri Sembilan dan setakat semalam, SPRM menerima empat laporan.

"Daripada jumlah itu, dua membabitkan calon dan dua lagi membabitkan pengundi, dengan kesemuanya adalah aduan berkaitan pemberian wang tunai," katanya di sini, semalam.

Abd Halim bagaimanapun tidak memperincikan identiti calon atau pengundi yang terbabit serta status siasatan bagi semua laporan berkenaan.

Katanya, SPRM akan menjalankan penyiasatan untuk melihat dan mengkaji sekiranya aduan terbabit mempunyai unsur rasuah atau menjurus kepada kesalahan pilihan raya.

Polis Negeri Sembilan sebelum ini menyangkal dakwaan Penyelaras Parti Wawasan Negara (WAWASAN), Badrul Hisham Shaharim atau Chegubard berhubung sogokan supaya mengundi parti tertentu.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Alzafny Ahmad, berkata siasatan akan dijalankan dengan telus sekiranya ada laporan polis dibuat mengenainya.

Dalam perkembangan lain, polis Negeri Sembilan menerima 87 laporan polis dan membuka 23 kertas siasatan berhubung kesalahan pilihan raya sepanjang tempoh berkempen bermula 18 Julai hingga kelmarin sepanjang PRN Negeri Sembilan ke-16.

Katanya, bagi tempoh sama, sebanyak 761 daripada 787 permohonan permit bagi penganjuran ceramah dan aktiviti politik diluluskan.

"Semua program dan aktiviti politik yang diadakan dipantau bagi memastikan penganjurannya mematuhi undang-undang serta tidak menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam," katanya dalam kenyataan.

Alzafny berkata, pihaknya terus mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan, pematuhan dan penguatkuasaan secara menyeluruh dan sebarang pelanggaran undang-undang akan diambil tindakan tegas, adil serta berintegriti tanpa kompromi.

SINAR HARIAN

01.08.2026 (SABTU)

Tiada apa disembunyikan

Laporan RCI TH diterbit secara telus, tidak ada suntingan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

LAPORAN MUKA DEPAN

SEREMBAN - Tidak ada sebarang tapisan atau suntingan dilakukan terhadap laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Tabung Haji (TH) yang didedahkan kepada umum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, laporan berkenaan diterbitkan secara telus tanpa ada apa-apa fakta yang disembunyikan atau dipotong bagi memastikan rakyat mengetahui keseluruhan hasil siasatan tersebut.

Beliau berkata, Jemaah Menteri telah membuat keputusan supaya keseluruhan laporan berkenaan diterbitkan bersama syor serta proses yang berlaku sepanjang tempoh siasatan, malah skop penelitian turut diperluaskan melangkaui tempoh asal laporan bagi melihat perkembangan selepas tahun 2020.

"Kita mahu mengetahui dengan tepat apa yang berlaku selepas tempoh tersebut termasuk tindakan yang telah diambil oleh pelbagai jawatankuasa serta Lembaga TH ketika ini.

"Kita terbitkan keseluruhannya. Tidak ada Perdana Menteri atau Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang memotong mana-mana aspek laporan itu," katanya kepada pemberita selepas solat Jumaat di Masjid Kariah Paroi Jaya di sini pada Jumaat.

Perdana Menteri demikian ketika ditanya pemberita kemungkinan akan ada nama-nama individu terlibat didedahkan selepas RCI TH itu diterbitkan dan didedahkan kepada umum.

Menurut Anwar, laporan RCI itu turut merangkumi kejadian sehingga tahun 2014 ketika Bank Negara Malaysia mengeluarkan amaran pertama kali, diikuti amaran seterusnya pada 2017.



FOTO SERAMA

Anwar beramah mesra bersama jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Qaryah, Paroi Jaya, Seremban.

"Kita juga telah meminta supaya TH dan pihak berkaitan memberi keterangan perkembangan selepas itu," ujarnya.

Beliau berkata, seluruh rakyat Malaysia khususnya umat Islam wajar diberi peluang meneliti keseluruhan laporan tersebut supaya menjadi pengajaran agar perkara sama tidak berulang.

Tambahnya, pihak yang didapati bersalah perlu bertanggungjawab dan dikenakan tindakan undang-undang.

"Yang penting ialah sebagai pengajaran supaya perkara ini jangan berulang.

"Yang bertanggungjawab perlu disiasat dan didakwa jika perlu dan ikut proses pendakwaan," katanya.

Mengulas mengenai pemberian bonus tinggi yang dilaporkan dalam RCI berkenaan, Anwar berkata, perkara itu merupakan antara isu yang dibangkitkan dalam laporan terbabit.

"Ramai terkejut. Bukan itu sahaja, banyak sangat masalah yang berbangkit.

"Mana mungkin syarikat rugi tetapi ganjaran diberi tanpa mempedulikan kedudukan institusi.

"Saya sendiri kesal, institusi agama Islam yang diuruskan oleh orang Melayu diberi amanah tetapi bagi saya amanah itu telah dikhianati," katanya.

SINAR HARIAN

01.08.2026 (SABTU)

Pegawai SPRM masuk ibu pejabat TH, siasatan dimulakan

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggerakkan pegawainya ke Ibu Pejabat Tabung Haji (TH) di ibu negara untuk memulakan siasatan berhubung dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan TH pada Jumaat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, sekumpulan lapan pegawai dihantar ke pejabat institusi terbabit bagi meneliti dokumen berkaitan isu-isu yang dibangkitkan dalam RCI tersebut.

Beliau berkata, tindakan itu dilaksanakan susulan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya agensi penguat kuasa mengambil tindakan sewajarnya terhadap laporan RCI yang diterbitkan.

"SPRM telah menubuhkan satu jawatan kuasa khas bagi meneliti isu utama dan isu sampingan yang dibangkitkan dalam laporan berkenaan.



ABD HALIM

"Untuk makluman semua, lapan pegawai penyiasatan SPRM telah pun bergerak masuk ke bangunan TH, pagi ini (Jumaat)," katanya ketika sidang akhbar di ibu Pejabat SPRM Putrajaya di sini pada Jumaat.

Abd Halim berkata, pasukan penyiasatan juga sedang mengenal pasti individu yang akan dipanggil bagi dirakam percakapan selepas meneliti senarai berkaitan mengikut prosedur ditetapkan.

Ditanya sama ada pengurusan tertinggi TH termasuk bekas pengerusi akan dipanggil, beliau berkata, siasatan tidak dihadkan kepada mana-mana tempoh tertentu.

Sebaliknya, jelas Abd Halim, siasatan akan dijalankan berdasarkan penemuan dan syor yang dikemukakan dalam laporan RCI.

"Fokus siasatan adalah untuk meneliti sama ada terdapat unsur rasuah, penyalahgunaan kuasa atau pun ketidakberesan berdasarkan Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

"Mana-mana individu yang dikenal pasti mempunyai kaitan dengan siasatan akan dipanggil untuk dirakam percakapan mengikut proses yang ditetapkan," ujarnya.

SPRM sebelum ini memaklumkan, satu pasukan khas ditubuhkan bagi menyemak dan meneliti hasil laporan RCI TH yang didedahkan kepada umum menerusi portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 29 Julai lalu.

Pasukan khas tersebut diketuai Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar.

Jawatankuasa RCI TH ditubuhkan pada tahun 2021 bagi menyiasat isu pengurusan dan operasi Lembaga TH dari tahun 2014 hingga 2020 meliputi dakwaan salah urus, kedudukan kewangan, tadbir urus, pelaburan dan pematuhan terhadap undang-undang.

SINAR HARIAN

01.08.2026 (SABTU)

Op Crack: Ramai lagi dalam radar SPRM

Siasatan berkaitan sindiket godam MyIMMs masih giat dijalankan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA - Lebih ramai individu berada dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan berhubung sindiket penggodaman Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) bagi permohonan dan kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) secara tidak sah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, siasatan kes tersebut masih aktif dijalankan.

"Jumlah yang terlibat boleh dikatakan ramai dan siasatan masih berjalan untuk meneliti tahap pembabitan mereka.

"Kita jangka lebih banyak tangkapan serta sitaan akan dilakukan dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada Jumaat.



Abd Halim (dua dari kanan) menunjukkan wang tunai yang dirampas menerusi Op Crack membabitkan sindiket godam MyIMMs.

Turut hadir Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban.

Tambah Abd Halim, Op Crack bermula hasil perkongsian maklumat risikan antara JIM dan SPRM sejak Mei lalu sebelum operasi dilaksanakan pada 28 Julai.

"Sehingga kini, seramai 12 individu direman antara dua hingga tiga hari bermula 29 Julai bagi membantu siasatan," ujarnya.

Sementara itu Zakaria berkata, penglibatan 'orang dalam' JIM yang mengeksploitasi MyIMMs sudah dikenal pasti.

"Untuk ceroboh masuk sistem kita (JIM) memang tidak boleh kerana jabatan baru sahaja buat forensik dengan CyberSecurity bagi tambah baik sistem keselamatan.

"(Didapati) sistem ini tidak boleh diceroboh masuk dari luar tapi dalam kes ini, ia melibatkan orang dalam," ujarnya.

Tambah Zakaria, dengan pencerobohan itu, individu terbabit dipercayai menggunakan peranti dongle serta perisian yang dimasukkan ke dalam komputer.

Tegas Zakaria, disebabkan kes itu, JIM akan membatalkan semua 1,306 PLKS yang diluluskan secara tidak sah terbabit serta-merta serta mengesan semua pemegang pas berkenaan yang dipercayai berada di pelbagai lokasi di seluruh negara.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan dua pengarah syarikat, tiga warga asing, empat pegawai JIM, dua pegawai Bahagian Teknologi Maklumat JIM serta seorang pegawai polis ditahan dalam Op Crack.

Siasatan awal mendapati sindiket ini menggunakan kuota PLKS tahun 2011 tanpa membuat bayaran levi pas yang dikeluarkan hingga menyebabkan kerugian kepada kerajaan dianggarkan sebanyak RM2.4 juta.

Difahamkan, sindiket menggodam MyIMMs membayar wang rasuah antara RM1,000 hingga RM6,000 kepada pegawai JIM kerana membantu dalam proses mendapatkan kelulusan PLKS tanpa mengikut prosedur yang sah.

INFO

- Sepanjang Op Crack, SPRM menyita wang tunai RM186,360, mata wang asing berjumlah 700 dolar Singapura (RM2,313), 19 telefon bimbit, enam komputer riba, dua komputer, dua unit CPU dan router.
- Turut disita tujuh keping jongkong emas seberat 0.2 gram setiap satu, sekeping jongkong emas seberat dua gram, satu rantai emas, satu gelang emas dan satu rantai kunci emas dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM15,700.

SINAR HARIAN

01.08.2026 (SABTU)

TIGA PENGARAH SYARIKAT KENA DAKWA

DIDAKWA SALAH GUNA RM10 JUTA

Oleh Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Shah Alam

Tiga pengarah syarikat didakwa di dua Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menyalahgunakan wang milik Pertubuhan Imaan Malaysia serta menerima wang hasil aktiviti haram dengan jumlah keseluruhan lebih RM10 juta.

Tertuduh ialah Muhammad Jantan, 53, yang juga Pengarah Ya Digital Agency Sdn Bhd; Wan Sharmaine Izani Wan Sarbi, 30, Pengarah SM Conveyor Sdn Bhd serta Muhammad Ali, 32, yang turut memegang jawatan Pengarah SM Conveyor Sdn Bhd.

Kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan dua hakim berasingan dan memohon untuk dibicarakan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Natrah Fareha Rahmat, Shafiq Mahadi dan Muhammad Amin Azmi.

Di Mahkamah Sesyen 1 Shah Alam di sini, Jumaat, Muhammad Jantan berdepan lima pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan kerana didakwa menyalahgunakan wang milik Pertubuhan Imaan Malaysia berjumlah RM1,227,491.23 antara Januari 2022 hingga Januari 2024.

Dia turut menghadapi tiga pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) kerana didakwa menerima wang berjumlah RM1,094,404.26 daripada akaun perbankan milik SM Conveyor Sdn Bhd ke akaun perbankannya dalam tempoh sama.

Sementara itu, Wan Sharmaine yang juga Pengarah SM Conveyor Sdn Bhd menghadapi 14 pertuduhan mengikut Seksyen 4(1) AMLATFPUAA kerana didakwa menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM995,947.01 antara Januari 2022 hingga Februari 2026.

Bagi prosiding di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin itu, Muhammad Jantan diwakili peguam Jason Singh manakala Wan Sharmaine diwakili peguam Shaheul Hamidi.

Mahkamah kemudian mengarahkan Muhammad Jantan membayar wang jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin, manakala Wan Sharmaine dikenakan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin.

Kedua-dua tertuduh turut diarahkan melapor diri di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap bulan, tidak berhubung atau menggganggu mana-mana saksi pendakwaan serta menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Sementara itu, di Mahkamah Sesyen 2 Shah Alam, Muhammad Ali berdepan lapan pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA kerana didakwa menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM1,351,314.95 daripada akaun SM Conveyor Sdn Bhd ke akaun perbankannya antara Januari 2022 hingga Januari 2026.

Dia turut menghadapi dua pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan kerana didakwa menyalahgunakan wang milik Pertubuhan Imaan Malaysia berjumlah RM166,950.

Wan Sharmaine pula berdepan lima pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan kerana didakwa melupuskan wang milik Pertubuhan Imaan Malaysia berjumlah RM1,298,737.88 antara September 2021 hingga Januari 2022.

Selain itu, kedua-dua tertuduh turut didakwa bersama-sama lima pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(b) AMLATFPUAA kerana didakwa menyalahgunakan wang Pertubuhan Imaan Malaysia berjumlah RM6,310,335.50 dengan memindahkannya ke akaun SM Conveyor Sdn Bhd antara Januari 2022 hingga Januari 2026.

Mahkamah kemudian mengarahkan Muhammad Ali membayar wang jaminan RM120,000 dengan seorang penjamin, manakala Wan Sharmaine dikenakan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin.

Kedua-dua tertuduh turut dikenakan syarat sama iaitu perlu melapor diri di Ibu Pejabat SPRM setiap bulan, tidak berhubung atau menggganggu saksi pendakwaan serta menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Kesemua tertuduh akan hadir semula untuk sebutan semula kes pada 25 Ogos ini.

Mahkamah turut mengarahkan kes Muhammad Ali dan Wan Sharmaine dipindahkan untuk didengar bersama di Mahkamah Sesyen 1 Shah Alam.



ANTARA tiga pengarah syarikat yang didakwa di dua Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menyalahgunakan wang milik Pertubuhan Imaan Malaysia serta menerima wang hasil aktiviti haram.

Kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibacakan

HARIAN METRO

01.08.2026 (SABTU)

RCI TABUNG HAJI: SPRM MULAKAN SIASATAN

LAPAN PENYIASAT KE TH

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam memulakan siasatan terhadap dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Tabung Haji apabila menghantar lapan pegawai penyiasat ke ibu pejabat institusi itu bagi meneliti dokumen berkaitan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, tindakan itu dilaksanakan susulan saranan Perdana Menteri supaya agensi penguat kuasa mengambil tindakan sewajarnya terhadap laporan RCI yang dikeluarkan, baru-baru ini.

Beliau berkata, SPRM turut menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi meneliti isu utama dan isu sampingan yang dibangkitkan dalam laporan berkenaan.

"Untuk makluman semua, pihak kami telah pun bergerak masuk ke bangunan Tabung Haji pagi ini (semalam), pasukan penyiasatan sudah mula melakukan siasatan pagi ini (semalam) di mana seramai lapan pegawai ke TH.

"Mereka mengenal pasti dokumentasi berkaitan dengan perkara yang ditekankan dalam RCI serta perkara yang berkait dengan siasatan kami," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SPRM semalam.

Menurutnya, pasukan penyiasatan juga sedang mengenal pasti individu yang akan dipanggil bagi dirakam percakapan selepas meneliti senarai berkaitan mengikut prosedur ditetapkan.

Mengulas sama ada pengurusan tertinggi Tabung Haji termasuk bekas pengerusi akan dipanggil, beliau berkata siasatan tidak dihadkan kepada mana-mana tempoh tertentu.

Sebaliknya, katanya, siasatan akan dijalankan berdasarkan penemuan dan syor yang dikemukakan dalam laporan RCI.

"Fokus siasatan adalah untuk meneliti sama ada terdapat unsur rasuah, penyalahgunaan kuasa ataupun ketidakberesan berdasarkan Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

"Mana-mana individu yang dikenal pasti mempunyai kaitan dengan siasatan akan dipanggil untuk dirakam percakapan mengikut proses yang ditetapkan," katanya.

Media kelmarin melaporkan SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan, pasukan itu diketuai oleh Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Mohd Hafaz Nazar.

Menurut SPRM, pasukan itu akan meneliti sebarang isu perundangan membabitkan unsur rasuah, penyelewengan, pemalsuan dokumen, salah guna kuasa atau pengubahan wang haram mengikut Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 (Akta 613) atau kesalahan yang berkaitan.

Laporan RCI berkenaan TH yang dimuat naik di portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kelmarin antara lain mencadangkan supaya audit forensik dijalankan untuk meneliti bagaimana keputusan pelaburan yang lalu dibuat sehingga menyebabkan TH berhadapan dengan penurunan nilai aset yang teruk.

Laporan RCI bagi menyiasat isu pengurusan dan operasi TH daripada 2014 hingga 2020 itu turut menyenaraikan pelaburan bermasalah yang memerlukan audit forensik.

RCI berkenaan mendapati wujudnya transaksi yang mencurigakan dan penyembunyian maklumat.

HARIAN METRO

01.08.2026 (SABTU)



Siasat dengan telus, jangan 'cover' lagi dah: PM

Kuala Pilah: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan siasatan susulan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Lembaga Tabung Haji (TH) perlu dijalankan secara telus tanpa melindungi mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan.

Beliau berkata, laporan itu adalah hasil siasatan RCI yang perlu dijadikan asas bagi mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab.

"Dalam Laporan RCI itu, siapa (yang didapati) salah itu, lembaga (RCI) yang siasat. Saya sebagai Perdana Menteri amanahkan, siasat dengan telus, jangan *cover* (lindungi) lagi dah.

"Letih dah kita tunggu," katanya ketika berucap pada program Kuala Pilah Berselawat dan Munajat Perdana Negeri Sembilan di Dataran Melang di sini, kelmarin.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Zulkifli Hasan dan timbalannya Marhamah Rosli, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek serta Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Rabu lalu menerbitkan Laporan RCI setebal 211 halaman berhubung siasatan terhadap pengurusan dan operasi TH bagi tempoh 2014 hingga 2020.

Dalam pada itu, Anwar berkata beliau sentiasa terbuka menerima teguran dan nasihat selain menegaskan kerajaan sedang berusaha keras untuk memperbaiki segala kelemahan pentadbiran terdahulu.

> "Tegurlah saya. Nasihatlah saya, tetapi jangan hina
> Anwar

"Tegurlah saya. Nasihatlah saya tetapi jangan hina. Kalau ada kelemahan, ya...semestinya ada, berilah teguran.

"...tetapi berilah kesempatan dan ruang kepada kita untuk membetulkan kecuaian dan kelemahan yang lalu serta memperbaiki keadaan, terutama mengangkat martabat umat Islam dan orang Melayu yang memerlukan pembelaan. Islam mesti dimartabatkan melalui amal dan tindakan," kata beliau.

Dalam perkembangan lain, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) meminta rakyat di negeri ini memilih pemimpin berdasarkan rekod integriti, amanah serta kesungguhan berkhidmat dan bukannya dipengaruhi sentimen atau kebencian.

HARIAN METRO

01.08.2026 (SABTU)



JAKIM pada Rabu lalu menerbitkan Laporan RCI setebal 211 halaman berhubung siasatan terhadap pengurusan dan operasi TH bagi tempoh 2014 hingga 2020.

Peguam Negara teliti laporan

Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara (AGC) akan mengambil tindakan segera meneliti Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung isu pengurusan serta operasi Lembaga Tabung Haji (TH) bagi tempoh 2014 hingga 2020.

AGC dalam satu kenyataan semalam menekankan langkah itu bagi memastikan semua aspek siasatan oleh badan penguat kuasa dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan komprehensif.

Menurutnya, ia supaya pertimbangan sewajarnya dapat dibuat untuk menentukan sama ada wujud sebarang pelanggaran undang-undang yang memerlukan tindakan pendakwaan.

"Tindakan dan komitmen jabatan ini adalah selaras tanggungjawab Perlembagaan untuk memastikan siasatan sedemikian dijalankan mengikut peruntukan undang-undang serta berdasarkan bukti yang ada.

"Jabatan ini memberi jaminan bahawa sebarang keputusan pendakwaan, sekiranya perlu, akan dibuat berasaskan undang-undang dan keterangan yang boleh diterima di mahkamah tanpa dipengaruhi tekanan luar atau sentimen awam," katanya.

AGC turut menyambut baik pengumuman keputusan Jemaah Menteri untuk mendedahkan laporan RCI itu kepada umum dan memandang serius penemuan-penemuan berkaitan aspek pengurusan, pelaburan serta dakwaan salah laku yang terkandung dalam laporan berkenaan.

Selain itu, AGC menyarankan orang awam supaya tidak membuat sebarang spekulasi, andaian atau menyebarkan maklumat tidak sahih yang boleh menjejaskan proses siasatan serta menghakis keyakinan terhadap kewibawaan dan kelangsungan TH dalam melaksanakan peranannya mengikut Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

Laporan RCI TH dimuat naik dalam portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), kelmarin antara lain mencadangkan audit forensik dijalankan bagi meneliti bagaimana keputusan pelaburan lalu dibuat sehingga menyebabkan TH berdepan penurunan nilai aset yang teruk.

BERITA HARIAN

05.08.2026 (RABU)

LAPORAN RCI TABUNG HAJI

Pengarah syarikat, bekas pengurus ladang kena tahan

Penahanan susulan siasatan khas SPRM bagi menyemak teliti hasil Laporan RCI Tabung Haji

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my



Dua suspek direman tiga hari susulan pendedahan Laporan RCI Tabung Haji di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto ihsan SPRM)

Kuala Lumpur: Dua individu pertama membabitkan pengarah syarikat dan bekas pengurus ladang ditahan susulan siasatan khas ditubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyemak serta meneliti hasil Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Pengarah syarikat reka bentuk berusia lingkungan 50-an ditahan jam 7.30 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

BH difahamkan, dia ditahan kerana disyaki merasuah RM300,000 kepada seorang bekas ketua pegawai operasi (COO) sebuah badan berkanun sebagai balasan untuk mendapatkan projek bernilai keseluruhan kira-kira RM8 juta.

Kesalahan itu disyaki dilakukan antara 2014 hingga 2018, dengan suspek dipercayai memberi rasuah dalam bentuk pengubahsuaian empat unit rumah milik bekas COO berkenaan yang jumlah keseluruhannya bernilai kira-kira RM300,000.

Sementara suspek kedua membabitkan seorang bekas pengurus ladang sebuah syarikat pembekalan anak benih pokok getah kerana disyaki menyeleweng kontrak bernilai kira-kira RM8 juta.

Seleweng projek pembekalan

Suspek dipercayai menyeleweng projek pembekalan anak benih getah di dua syarikat perladangan, iaitu anak syarikat badan berkanun berkenaan antara 2015 hingga 2017.

Lelaki berusia lingkungan 50-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di SPRM malam, kelmarin.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata kes pertama disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

"Kes kedua pula disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009," katanya.

Sementara itu, Mahkamah Majistret Putrajaya, Majistret Ezrene Zakariah semalam, membenarkan reman dua hari terhadap pengarah syarikat reka bentuk terbabit, manakala suspek kedua dikenakan perintah tiga hari.

SINAR HARIAN

05.08.2026 (RABU)

RCI TH: Dua direman bantu siasatan

Berkaitan kes rasuah RM300,000 serta seleweng kontrak pembekalan anak benih pokok getah RM8 juta

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL



Pengarah syarikat (gambar kiri) dan bekas pengurus ladang dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman pada Selasa.

PUTRAJAYA - Dua individu pertama membabitkan pengarah syarikat dan bekas pengurus ladang ditahan secara berasingan susulan siasatan khas ditubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyemak serta meneliti hasil Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Suspek pertama merupakan seorang pengarah sebuah syarikat reka bentuk yang direman dua hari bagi membantu siasatan selepas disyaki memberi rasuah bernilai kira-kira RM300,000 kepada seorang bekas ketua pegawai operasi (COO) sebuah badan berkanun sebagai balasan membantu mendapatkan projek ubah suai.

Perintah reman sehingga 5 Ogos terhadap suspek lelaki berusia 50-an itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 7.30 malam Isnin ketika hadir memberi keterangan di ibu Pejabat SPRM.

Katanya, siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan perbuatan itu antara tahun 2014 hingga 2018.

"Suspek disyaki memberi rasuah dalam bentuk pengubahsuaian empat unit rumah milik bekas COO berkenaan dengan nilai keseluruhan kira-kira RM300,000.

"Ia dipercayai sebagai balasan membantu mendapatkan projek-projek ubah suai di badan berkanun tersebut," katanya.

Sementara suspek kedua merupakan seorang bekas pengurus ladang yang direman selama tiga hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan penyelewengan kontrak pembekalan anak benih pokok getah bernilai kira-kira RM8 juta.

Perintah reman hingga Khamis terhadap lelaki berusia 50-an itu dikeluarkan Ezrene selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 7 malam pada Isnin ketika hadir memberi keterangan di ibu Pejabat SPRM.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai melakukan penyelewengan itu antara 2015 hingga 2017.

"Suspek disyaki menyalahgunakan projek pembekalan anak benih pokok getah melibatkan dua syarikat perladangan yang merupakan anak syarikat sebuah badan berkanun, dengan nilai kontrak dianggarkan kira-kira RM8 juta," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Hajim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO

05.08.2026 (RABU)

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

SIASATAN KHAS LAPORAN RCI TABUNG HAJI

H/metro - 5/8/26 - Rabu

2 individu direman SPRM

Pengarah syarikat dan bekas pengurus ladang antara dua individu terawal ditahan susulan siasatan khas ditubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyemak serta meneliti hasil Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Pengarah syarikat reka bentuk ditahan selepas disyaki memberi rasuah bernilai kira-kira RM300,000 kepada bekas ketua pegawai operasi (COO) sebuah badan berkanun sebagai balasan bagi membantu syarikat suspek mendapatkan projek ubah suai.

Sementara bekas pengurus ladang syarikat pembekalan anak benih pokok getah pula disyaki menyeleweng kontrak bernilai kira-kira RM8 juta.

Kedua-dua suspek lelaki yang berusia lingkungan 50-an itu direman selama dua dan tiga hari bermula semalam.



PENGARAH syarikat dan bekas pengurus ladang antara dua individu terawal ditahan susulan siasatan khas ditubuhkan SPRM bagi menyemak serta meneliti hasil Laporan RCI Tabung Haji.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas membenarkan permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

> "Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2015 hingga 2017
> Sumber

Sumber berkata, bekas pengurus ladang yang direman hingga Khamis disyaki menyeleweng projek pembekalan anak benih pokok getah di dua syarikat perladangan, iaitu anak syarikat badan berkanun berkenaan membabitkan nilai keseluruhan RM8 juta.

Katanya, suspek dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2015 hingga 2017.

Dia akan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Pengarah syarikat reka bentuk itu pula yang direman dua hari, disyaki melakukan perbuatan rasuah antara tahun 2014 hingga 2018. Suapan dalam bentuk kerja pengubahsuaian empat unit rumah milik bekas COO berkenaan yang bernilai keseluruhan kira-kira RM300,000," katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan dua individu itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 serta Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

SINAR HARIAN

05.08.2026 (RABU)

Godam MyIMMs: 5 lagi pegawai JIM direman

Sehingga kini 17 individu sudah diambil keterangan untuk bantu siasatan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

PUTRAJAYA – Lima lagi pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki bersubahat menggodam Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) berkaitan proses permohonan serta kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) secara tidak sah.

Menurut sumber, kelima-lima suspek termasuk seorang wanita berusia 30 hingga 40-an itu ditahan pada jam 1 tengah hari Isnin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Sehingga kini, SPRM telah mengambil keterangan daripada 17 individu bagi membantu siasatan kes berkenaan.

"Siasatan awal mendapati kesemua pegawai ini disyaki bersubahat menggodam MyIMMs di samping membantu dalam proses mendapatkan kelulusan PLKS tanpa mengikut prosedur yang sah.

"Susulan tangkapan itu SPRM telah menyita lima unit telefon bimbit milik kelima-lima suspek," katanya.

Dalam pada itu, kelima-lima pegawai JIM terbabit direman selama tiga hari bagi membantu siasatan.

Perintah reman sehingga 6 Ogos terhadap kesemua suspek dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa selepas permohonan dibuat SPRM.



Antara pegawai JIM yang direman di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa.

Pada 28 Julai lepas, SPRM melalui Bahagian Perisikan dengan kerjasama Bahagian Perisikan JIM telah menjalankan operasi bersepadu di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Dalam operasi tersebut, penggeledahan telah dijalankan melibatkan premis syarikat dan JIM Pulau Pinang serta ibu pejabat JIM di Putrajaya.

Pada operasi itu, seramai 12 individu telah direman terdiri daripada dua pengarah syarikat, tiga warga asing, empat pegawai JIM, dua pegawai Bahagian Teknologi Maklumat JIM dan seorang pegawai polis.

SPRM turut menyita harta alih seperti wang tunai bernilai RM186,360, wang tunai dolar Singapura 700 dan barangan kemas bernilai RM15,700 serta telefon bimbit, komputer riba dan alat elektronik yang dianggarkan bernilai RM36,000.

SPRM juga telah mengambil tindakan membekukan sembilan akaun perbankan, empat milik individu dan dua milik syarikat melibatkan nilai kira-kira RM300,000.

BERITA HARIAN

06.08.2026 (KHAMIS)

LAPORAN RCI TABUNG HAJI

Tujuh kena tahan SPRM

Penahanan bekas CEO, CFO babit salah guna kuasa beli saham dua syarikat RM370j

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tujuh individu, termasuk bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) dan bekas ketua pegawai kewangan (CFO) anak syarikat Tabung Haji (TH) berhubung siasatan laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) badan berkanun itu.

Bekas CEO dan CFO terbabit yang masing-masing berusia 60 dan 68 tahun ditahan petang kelmarin berhubung menyalahgunakan kuasa dalam proses pembelian saham dua syarikat perladangan bernilai RM370 juta.

BH dimaklumkan mereka berdua ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM jam 6.30 petang kelmarin.

Bagaimanapun, suspek dibebaskan pada malamnya atas faktor kesihatan dan diarah hadir semula ke SPRM pada jam 10 pagi semalam untuk disambung rakaman percakapan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, ketika dihubungi *BH* mengesahkan penahanan itu.

Bagaimanapun, semalam katanya hanya bekas CFO terbabit hadir menyambung keterangan jam 10.30 pagi selama lebih enam jam, manakala bekas CEO tidak hadir kerana isu kesihatan.

"Hari ini (semalam) adalah hari kedua rakaman percakapan individu ini diambil selepas dibebaskan semalam (kelmarin).

"Rakaman percakapan terhadap individu ini diteruskan bagi melengkapkan siasatan yang sedang dijalankan berhubung hasil penemuan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji dan selesai kira-kira jam 5 petang," katanya.

Seleweng caj notis penalti

SPRM turut menahan tiga lagi individu dalam siasatan laporan RCI itu membabitkan timbalan pengurus besar pembinaan, pengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan, serta pengarah projek sebuah syarikat hartanah yang juga anak syarikat badan berkanun berkenaan kelmarin.

Mereka ditahan kerana disyaki bersubahat menyeleweng caj notis penalti (NOP) bernilai kira-kira RM450,000.

Semua suspek lelaki berusia lingkungan 50-an ditahan pada jam 6 petang kelmarin di Ibu Pejabat SPRM.

BH difahamkan, siasatan awal mendapati ketiga-tiga suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan itu antara 2017 hingga 2019.

Abd Halim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu bagi siasatan kes mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Beliau turut mengesahkan ketiga-tiga mereka direman selama lima hari hingga 9 Ogos ini.

Pada Isnin lalu, SPRM menahan dua individu pertama membabitkan pengarah syarikat dan bekas pengurus ladang berhubung siasatan terhadap laporan RCI itu.

Pengarah syarikat reka bentuk berusia lingkungan 50-an ditahan jam 7.30 malam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.



Tiga lagi individu ditahan bagi membantu siasatan kes berkait pendedahan Laporan RCI TH di Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto ihsan SPRM)

HARIAN METRO

06.08.2026 (KHAMIS)

INSENTIF DAYA KERJAYA 2.0 PERKESO

5 pemilik, pengurus syarikat didakwa babit 13 pertuduhan tuntutan palsu

Kota Bharu: Lima pemilik dan seorang pengurus syarikat termasuk dua beranak didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, membabitkan 13 pertuduhan membuat tuntutan palsu Insentif Daya Kerjaya 2.0 kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada 2024.

Kesemua tertuduh, Saipuddin Mohamad, 47; Nur Shahalwani Ab Hamid,37; Nik Muhammad Afiq Rifqi Nik Araman, 29; dan bapanya, Nik Araman Yusoff, 54; Eadzelin Azmi, 41, dan Mohamad Faiz Harith Hazman, 30, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Saipuddin berdepan enam pertuduhan dan Nur Shahalwani empat pertuduhan, manakala empat tertuduh termasuk dua beranak masing-masing didakwa satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, kesemua tertuduh sebagai pemilik syarikat masing-masing memberi dokumen iaitu Borang Pengesahan Pekerja Daya Kerjaya 2.0 atas nama syarikat masing-masing kepada ejen PERKESO yang mempunyai penyataan palsy dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya.

Perbuatan itu dilakukan di sekitar Kota Bharu antara 18 Mei 2024 hingga 9 Oktober 2024.



KESEMUA tertuduh mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Kesemua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum dibawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan palsu atau silap itu atau RM10,000, mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mariah Omar dan Asmah Che Wan, manakala kesemua tertuduh diwakili peguam kecuali Nur Shahalwani.

Terdahulu, Mariah dan Asmah memohon setiap tertuduh dikenakan jaminan RM 15,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan iaitu perlu melapor diri ke pejabat SPRM setiap bulan selain tidak boleh menganggu saksi.

Mahkamah kemudiannya menawarkan jaminan antara RM8,000 hingga RM14,000 kepada setiap tertuduh selain menetapkan 13 September sebagai tarikh sebutan semula kes.

HARIAN METRO

06.08.2026 (KHAMIS)



MINTA, TERIMA RASUAH

Anggota penjara direman 6 hari

Kuala Lumpur: Seorang anggota penjara direman enam hari oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, semalam, kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM3,000 bagi membawa masuk barang terlarang ke dalam penjara.

Perintah reman sehingga 10 Ogos ini terhadap suspek lelaki berusia lingkungan 20-an itu dikeluarkan oleh Majistret Uthman Abd Ghani selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pagi semalam.

Menurut sumber, suspek ditahan oleh sepasukan pegawai SPRM pada jam 11.50 pagi kelmarin ketika berada di kediamannya di Sungai Petani, Kedah.

Beliau berkata, berdasarkan siasatan awal, suspek dipercayai melakukan perbuatan itu pada Mac lalu ketika bertugas di sebuah penjara di negeri ini.

"Suspek disyaki meminta dan menerima habuan wang rasuah melalui transaksi pemindahan wang terus ke akaun e-dompet (e-wallet) miliknya"

Sumber

"Suspek disyaki meminta dan menerima habuan wang rasuah melalui transaksi pemindahan wang terus ke akaun e-dompet (*e-wallet*) miliknya.

"Bayaran itu dipercayai sebagai dorongan untuk membolehkan suspek membawa masuk artikel larangan ke dalam penjara," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Datuk Adi Supian Shafie ketika dihubungi, mengesahkan penahanan suspek berkenaan.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

INFO

- *Bayaran RM3,000 dipercayai sebagai dorongan untuk membolehkan suspek membawa masuk artikel larangan ke dalam penjara*

HARIAN METRO

06.08.2026 (KHAMIS)



TIGA lagi individu ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kes penyelewengan caj notis penalti (NOP) bernilai kira-kira RM450,000.

RCI TABUNG HAJI

Tiga lagi kena tahan

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiga lagi individu ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kes penyelewengan caj notis penalti (NOP) bernilai kira-kira RM450,000 membabitkan sebuah syarikat hartanah yang juga anak syarikat badan berkanun.

Tiga lelaki berusia lingkungan 50-an terbabit dipercayai memegang jawatan sebagai timbalan pengurus besar pembinaan, pengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pengarah projek di syarikat terbabit.

Perintah reman selama lima hari bermula semalam hingga 9 Ogos ini dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah di Mahkamah Majistret Putrajaya selepas membenarkan permohonan dikemukakan oleh SPRM.

Menurut sumber, semua suspek ditahan pada jam 6 petang kelmarin ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM.

"Siasatan awal mendapati ketiga-tiga suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan penyelewengan itu antara tahun 2017 hingga 2019," katanya.

Penahanan reman terbaharu ini adalah susulan daripada tindakan siasatan oleh pasukan khas yang ditubuhkan bagi menyemak dan meneliti hasil laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Laporan RCI berkenaan sebelum ini telah didedahkan kepada umum menerusi portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 29 Julai lalu.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan kesemua individu terbabit.

"Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

HARIAN METRO

06.08.2026 (KHAMIS)

Bekas CEO, CFO syarikat badan berkanun ditahan

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) syarikat milik sebuah badan berkanun ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan siasatan terhadap Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji, yang didedahkan kerajaan baru-baru ini.

Dua individu masing-masing berusia 68 dan 60 tahun itu ditahan kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dalam proses pembelian saham dua syarikat perladangan bernilai RM370 juta.

Mereka berdua ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM, jam 6.30 petang kelmarin.

Bagaimanapun, suspek sudah dibebaskan malam kelmarin atas faktor kesihatan dan hadir semula ke SPRM pada jam 10 pagi semalam bagi disambung rakaman percakapan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009," katanya.

Media kelmarin melaporkan, dua individu pertama membabitkan pengarah syarikat dan bekas pengurus ladang ditahan susulan siasatan khas ditubuhkan SPRM bagi menyemak serta meneliti hasil Laporan RCI Tabung Haji.

Pengarah syarikat reka bentuk berusia lingkungan 50-an ditahan jam 7.30 malam Isnin lalu ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Difahamkan dia ditahan kerana disyaki merasuah RM300,000 kepada seorang bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) sebuah badan berkanun sebagai balasan untuk mendapatkan projek bernilai keseluruhan kira-kira RM8 juta.

Kesalahan itu disyaki dilakukan antara 2014 hingga 2018, dengan suspek dipercayai memberi rasuah dalam bentuk pengubahsuaian empat unit rumah milik bekas COO berkenaan yang jumlah keseluruhannya bernilai kira-kira RM300,000.

HARIAN METRO

06.08.2026 (KHAMIS)

Bekas CFO dirakam percakapan

Putrajaya: Bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) sebuah syarikat milik badan berkanun yang disyaki menyalahgunakan kuasa dalam proses pembelian saham dua syarikat perladangan bernilai RM370 juta hadir di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, untuk dirakam percakapan.

Wanita berusia 60 tahun itu tiba dengan menaiki sebuah kenderaan berwarna hitam jam 11.40 pagi.

Difahamkan wanita berkenaan individu ketiga yang dipanggil SPRM untuk membantu siasatan berhubung Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Tabung Haji itu.

Kelmarin, SPRM menahan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat milik badan berkanun yang disyaki menyalahguna kuasa dalam proses pembelian saham dua syarikat perladangan bernilai RM370 juta.

Menurut sumber SPRM, suspek berumur 68 tahun itu ditahan semasa hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya jam 6.30 petang kelmarin.

Bagaimanapun, individu itu dibebaskan pada malam hari yang sama atas faktor kesihatan dan diarahkan hadir semula semalam bagi menyambung rakaman percakapan.

Tangkapan itu susulan siasatan pasukan khas yang ditubuhkan bagi menyemak dan meneliti hasil Laporan RCI Tabung Haji yang didedahkan kepada umum menerusi portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 29 Julai lalu.

Sebelum ini media melaporkan penahanan seorang pengarah syarikat reka bentuk kerana disyaki memberi rasuah kepada seorang bekas ketua pegawai operasi (COO) badan berkanun bernilai RM300,000 sebagai balasan membantu mendapatkan projek ubah suai di badan berkanun itu.

HARIAN METRO

06.08.2026 (KHAMIS)

JSJK Bukit Aman buka lima kertas siasatan

Kuala Lumpur: Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman membuka lima kertas siasatan susulan sembilan laporan polis yang diterima berhubung Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH).

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, laporan berkenaan dibuat oleh pihak TH, anak syarikatnya serta orang awam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut beberapa peruntukan undang-undang merangkumi Kanun Keseksaan, Akta Tabung Haji 1995, Akta Syarikat 1965 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

"Tindakan lanjut kini sedang diambil bagi melengkapkan siasatan, termasuk merakam keterangan saksi dari dalam dan luar negara serta mengumpul dokumen berkaitan.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) komited memastikan setiap siasatan dijalankan secara bebas, telus, profesional dan berlandaskan undang-undang," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerbitkan Laporan RCI berhubung pengurusan dan operasi TH bagi tempoh 2014 hingga 2020.

Dokumen setebal 211 halaman itu memuatkan ringkasan eksekutif, empat bab utama, senarai ekshibit, penemuan siasatan serta syor penambahbaikan yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Mengulas lanjut, Rusdi menegaskan sebarang pihak yang didapati terbabit dalam salah laku jenayah akan dikenakan tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Pada masa sama, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat tidak sahih yang boleh mengelirukan masyarakat dan menjejaskan proses siasatan.

"Orang ramai diminta untuk hanya merujuk maklumat daripada saluran rasmi," katanya.

SINAR HARIAN

06.08.2026 (KHAMIS)



2

Sinar Nasional

SPRM perhebat siasatan, tindakan

Dua daripada tiga individu yang diberkas ke Mahkamah untuk proses tahanan reman bagi membantu siasatan laporan RCI Tabung Haji.

Tiga pegawai syarikat hartanah direman, CEO dan CFO syarikat badan berkanun dipanggil beri keterangan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA - Kurang seminggu selepas Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji (TH) didedahkan kepada umum, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus memperhebatkan tindakan dengan menahan reman tiga pegawai sebuah syarikat hartanah pula.

Tiga individu tersebut membabitkan timbalan pengurus besar pembinaan; pengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pengarah projek sebuah anak syarikat badan berkanun yang disyaki bersubahat menyelewengcaj notis penalti (NOP) berjumlah kira-kira RM450,000.

Dengan perkembangan tersebut, seramai lima orang yang dikaitkan dengan penyelewengan susulan pendedahan Laporan RCI TH.

RCI TABUNG HAJI

LAPORAN MUKA DEPAN

Menurut sumber, reman terhadap tiga pegawai syarikat hartanah itu diambil susulan siasatan oleh pasukan khas SPRM yang ditubuhkan bagi menyemak dan meneliti hasil Laporan RCI TH tersebut.

Katanya, perintah reman selama lima hari sehingga 9 Ogos terhadap ketiga-tiga suspek dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Rabu.

"Kesemua suspek lelaki berusia lingkungan 50-an ditahan pada jam 6 petang Selasa di ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Siasatan awal mendapati ketiga-tiga suspek bersubahat melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2017 hingga 2019," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Terdahulu, sumber berkata, SPRM turut menahan bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) dan bekas ketua pegawai kewangan (CFO) sebuah syarikat milik badan berkanun kerana disyaki menyalah guna kuasa dalam proses pembelian saham dua syarikat perladangan bernilai RM370 juta.

Menurut sumber tersebut, kedua-dua individu berusia 68 dan 60 tahun ditahan semasa hadir memberi keterangan di ibu Pejabat SPRM Putrajaya kira-kira jam 6.30 petang Selasa.

"Bagaimanapun kedua-dua mereka telah dibebaskan malam semalam (Selasa) atas faktor kesihatan.

"Mereka bagaimanapun hadir semula ke SPRM pada jam 10 pagi ini (Rabu) bagi disambung rakaman percakapan," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, katanya, kes bekas CEO dan bekas CFO tersebut pula disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

SPRM sebelum ini memaklumkan telah menubuhkan satu pasukan khas diketuai oleh Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar bagi menyemak dan meneliti hasil laporan RCI TH yang didedahkan kepada umum menerusi portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 29 Julai lalu.

Susulan itu, pada Jumaat lepas, SPRM menggerakkan lapan pegawainya ke Ibu Pejabat TH di Kuala Lumpur bagi meneliti dokumen berkaitan.

Isnin lalu, seorang pengarah syarikat reka bentuk ditahan kerana disyaki memberi rasuah kepada seorang bekas ketua pegawai operasi (COO) badan berkanun bernilai kira-kira RM300,000 sebagai balasan membantu mendapatkan projek-projek ubah suai.

Suspek lelaki berusia lingkungan 50-an itu direman dua hari sehingga 5 Ogos.

Siasatan awal SPRM mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan tersebut sekitar tahun 2014 hingga 2018 dan dipercayai memberi rasuah dalam bentuk pengubahsuaian empat unit rumah milik bekas COO tersebut yang jumlah keseluruhannya bernilai kira-kira RM300,000.

Selain itu, seorang bekas pengurus ladang sebuah syarikat pembekalan anak benih pokok getah di Lembah Klang turut direman tiga hari sehingga 6 Ogos kerana disyaki menyeleweng kontrak pembekalan anak benih kepada anak syarikat sebuah badan berkanun yang terlibat dalam sektor perladangan bernilai kira-kira RM8 juta.

Lelaki berusia lingkungan 50-an itu disyaki melakukan perbuatan tersebut sekitar tahun 2015 hingga 2017 dan dipercayai telah menyeleweng projek pembekalan anak benih getah di dua syarikat perladangan, anak syarikat sebuah badan berkanun melibatkan kontrak bernilai kira-kira RM8 juta.

Bekas CFO sebuah syarikat milik badan berkanun hadir semula di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bagi menyambung rakaman percakapan dan membantu siasatan.

BERITA HARIAN

07.08.2026 (JUMAAT)

Dana Kerjaya 2.0 PERKESO

100 individu didakwa kes pemalsuan tuntutan

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya 100 individu khususnya pemilik syarikat didakwa dalam beberapa siri pertuduhan besar-besaran membabitkan kesalahan pemalsuan tuntutan insentif Daya Kerjaya 2.0 di seluruh negara.

Pertuduhan itu menyusul selepas kegiatan pemalsuan berkenaan berjaya ditumpaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam beberapa siri tangkapan sejak Jun lalu.

Setakat ini, 30 suspek sudah dituduh di beberapa negeri dengan 13 didakwa kelmarin di empat negeri iaitu Pahang, Kedah, Kelantan dan Perak, disusuli baki 17 lagi semalam di Perak, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Sabah.

Semua individu ini dikesan terbabit dalam penipuan sempena Ops Daya 2.0 digerakkan SPRM bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Mengulas perkara itu, SPRM mengesahkan prosiding pertuduhan membabitkan penipuan Program Daya Kerjaya 2.0 bermula kelmarin dan dijangka berlangsung dalam tempoh agak panjang berikutan jumlah individu dikenal pasti untuk didakwa adalah ramai.

Tanpa memperincikan jumlah pertuduhan akan dilakukan, SPRM berkata pertuduhan itu membabitkan ramai individu khususnya pemilik syarikat serta beberapa individu lain yang dipercayai terbabit dalam penyelewengan program berkenaan.



Ai Ling (kiri), Joon Hong (tengah) dan Wooi Lee (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen George Town, semalam.
(Foto Auris Faqrurazzi/BH)



Farah Wahida dan Mohd Nizam didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam.
(Foto BERNAMA)

Semalam, 17 individu yang dituduh termasuk pengarah syarikat dan seorang pelakon dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini dan tiga negeri lain.

Kesemua mereka yang terdiri daripada sembilan lelaki dan lapan wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang dan Sabah atas pertuduhan yang didakwa berlaku pada 2024.

Di Kuala Lumpur, pelakon Farah Wahida Zainuddin, 44 dan rakannya Mohd Nizam Jamaluddin, 45, masing-masing didakwa atas empat pertuduhan di hadapan Hakim Suzana Hussin manakala dua wanita Lim Sue Peng dan Lim Sian Tze berusia 54 tahun, masing-masing berhadapan lima dan lapan pertuduhan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Farah Wahida didakwa sebagai Pengarah Focal Reality Entertainment Sdn Bhd telah memberi ejen PERKESO dokumen palsu, iaitu Borang Pengesahan Pekerja Daya Kerjaya 2.0 atas nama syarikat itu dalam permohonan tuntutan insentif itu di sebuah premis di Off Jalan Gombak, di sini pada 29 dan 30 Mac 2024.

Mohd Nizam pula didakwa bersubahat dengan Farah Wahida atas kesalahan sama.

Di Perak, empat pemilik syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen Ipoh atas 29 pertuduhan sama antara Februari hingga September 2024, iaitu pemilik Assari Enterprise Chuah Hok Guan, 60, yang didakwa bersubahat dengan pemilik AC Engineering Chiang Hon Wai, 44, dengan masing-masing berhadapan lima pertuduhan.

Sementara itu, Chong Yee Hoe, 55, didakwa atas lapan pertuduhan mengemukakan dokumen mengandungi pernyataan palsu bagi tuntutan insentif itu membabitkan syarikat Hao Hao Lucky Trading manakala Choo Lee Peng, 58, berhadapan 11 pertuduhan melibatkan syarikat Million Software And Services Sdn Bhd dan Million Goldrush Resources Sdn Bhd.

Di Pulau Pinang, empat pemilik syarikat termasuk seorang wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas 30 pertuduhan berasingan membuat tuntutan palsu insentif di bawah Program Daya Kerjaya 2.0 kepada PERKESO pada 2024.

Tertuduh, Wong Joon Hong, 40; Goh Chee Wai, 43; Neoh Wooi-Lee, 50 dan seorang lagi wanita Phua Ai Ling, 45 membuat pengakuan itu dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

Kelmarin, *BERNAMA* melaporkan 12 pemilik syarikat dan pasangan suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Kelantan, Kedah dan Perak atas pertuduhan membuat tuntutan palsu membabitkan insentif di bawah Program Daya Kerjaya 2.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Kesemua mereka mengaku tidak bersalah atas pertuduhan masing-masing.

HARIAN METRO

08.08.2026 (SABTU)

PROGRAM DAYA KERJAYA 2.0 PERKESO

Tiga tidak mengaku salah buat tuntutan palsu

Seremban: Tiga individu masing-masing berdepan pertuduhan bersubahat membuat tuntutan palsu insentif dana di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh, M S Gunaseelan, 45; S Theen Malar, 45; dan A S Shisman, 45, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Shahrul Rizal Majid selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan terhadap Gunaseelan, tertuduh sebagai pemilik perniagaan didakwa membuat tuntutan palsu insentif Program Daya Kerjaya 2.0 atas nama syarikatnya.



GUNASEELAN, (depan) dan Theen (tengah) serta seorang lagi Shisman berdepan pertuduhan bersubahat membuat tuntutan palsu insentif dana di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Mahkamah Sesyen . - Gambar NSTP/AHMAD HASBI

Gunaseelan didakwa melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Isterinya, Theen Malar dan Shisman pula dituduh mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta 694 dibaca bersama Seksyen 18 akta yang sama yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama kerana bersubahat melakukan tuntutan berkenaan.

Kesalahan itu dilakukan pada jam 9.07 malam di sebuah premis beralamat di Jalan Persiaran 1, Taman Senangin, dekat Lenggeng pada 11 Mac 2024.

Jika disabitkan, semua tertuduh boleh dipenjara 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu jika butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Syairah Aqilah Khalil menawarkan wang jaminan sebanyak RM15,000 terhadap setiap tertuduh.

Semua tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jaminan dikurangkan kerana tidak mampu membayar jumlah yang ditawarkan itu.

Mahkamah kemudiannya menetapkan ikat jamin RM12,000 terhadap Gunaseelan dan rakannya, Shisman manakala Theen Malar dibenarkan dijamin sebanyak RM10,000 masing-masing dengan seorang penjamin.

Mahkamah turut menetapkan syarat tambahan semua tertuduh perlu melapor diri di Pejabat SPRM Seremban setiap bulan dan tarikh sebutan semula ditetapkan pada 7 September depan.

HARIAN METRO

09.08.2026 (AHAD)

SIASATAN SUSULAN LAPORAN RCI TABUNG HAJI

LIMA INDIVIDU DIREMAN

Kuala Lumpur

Siasatan susulan terhadap dapatan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) mula 'menggempur' individu yang dikenal pasti terbabit dalam kepincangan pengurusan institusi itu.

Setakat kelmarin, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman lima individu bagi membantu siasatan berhubung pelbagai dakwaan salah laku yang didedahkan dalam laporan setebal 211 halaman itu, yang diterbitkan pada 29 Julai lalu.

Mereka yang direman antara tiga hingga lima hari itu merangkumi pelbagai profil profesional, termasuk seorang bekas pengurus ladang, pengarah syarikat reka bentuk, timbalan pengurus besar pembinaan, pengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan, serta pengarah projek sebuah syarikat hartanah milik badan berkanun.

Selain tangkapan reman itu, Pasukan Khas SPRM turut menahan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) sebuah badan berkanun pada 4 Ogos lalu bagi menyiasat dakwaan salah guna kuasa dalam transaksi pembelian saham dua syarikat perladangan bernilai RM370 juta.

Bagaimanapun, kedua-dua suspek yang berusia 68 dan 60 tahun itu dibebaskan atas faktor kesihatan, namun CFO berkenaan telah selesai dirakam keterangan kelmarin, manakala CEO terbabit masih dalam tempoh cuti sakit.

Sementara itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) telah membuka lima kertas siasatan susulan sembilan laporan yang diterima daripada pengurusan TH, anak syarikatnya serta orang awam.



LAPORAN RCI mencadangkan langkah drastik termasuk menarik balik bonus berjumlah RM2.19 juta yang diberikan kepada ahli lembaga pengarah dan pengurusan TH Properties.

Pengarah JSJK Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, tindakan sedang diambil untuk merakam keterangan saksi dari dalam dan luar negara selain mendapatkan dokumen berkaitan bagi membantu dan melengkapkan siasatan.

Ketegasan yang sama turut dizahirkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), yang memulakan siasatan terhadap individu tertentu selepas mengesan ketidaksepadanan ketara antara pemilikan aset mewah dengan jumlah pendapatan yang dilaporkan.

LHDN memaklumkan analisis risiko percukaian mendapati wujud keraguan dalam perisytiharan pendapatan individu terbabit, sekali gus membawa kepada serbuan di beberapa premis bagi menyita dokumen serta mengesahkan fakta siasatan.

> **"Tindakan sedang diambil untuk merakam keterangan saksi dari dalam dan luar negara selain mendapatkan dokumen berkaitan bagi membantu dan melengkapkan siasatan"**
>
> *Pengarah JSJK Datuk Rusdi Mohd Isa*

Laporan RCI yang merangkumi tempoh operasi 2014 hingga 2020 itu mendedahkan pelbagai 'titik hitam' dalam sejarah pengurusan TH, termasuk kelemahan tadbir urus dan dakwaan campur tangan politik yang melampau dalam urusan agihan keuntungan serta operasi haji.

Dapatan paling mengejutkan dalam dokumen berkenaan mendedahkan TH sepatutnya merekodkan kerugian bersih RM1.4 bilion bagi tahun kewangan 2017, namun sebaliknya melaporkan keuntungan luar biasa sebanyak RM3.4 bilion dalam penyata kewangannya ketika itu.

Susulan penurunan nilai aset yang teruk, laporan itu mencadangkan audit forensik dijalankan terhadap beberapa keputusan pelaburan berisiko membabitkan entiti seperti PT TH Indo Plantations; Emrail Sdn Bhd; Wellspring Worldwide Limited; Abraj Sdn Bhd; Putrajaya Perdana Bhd; TH Plantations Bhd; TH Properties Sdn Bhd; Alam Maritim Resources/TH Marine; TH Hotel & Residences Sdn Bhd dan FGV Bhd yang mengakibatkan kerugian besar kepada dana pendeposit.

Selain itu, laporan berkenaan turut mencadangkan langkah drastik termasuk menarik balik bonus berjumlah RM2.19 juta yang diberikan kepada ahli lembaga pengarah dan pengurusan TH Properties kerana didapati tidak mematuhi peraturan ditetapkan.

Pembayaran bonus kepada petugas TH antara dua hingga 13 bulan sepanjang 2010 hingga 2017 turut disifatkan sebagai amat tinggi dan tidak wajar, memandangkan kedudukan kewangan institusi yang mencabar pada tempoh berkenaan.

Segala dapatan dan syor penambahbaikan ini dijangka mencetuskan perdebatan hangat pada sidang khas Dewan Rakyat yang dijadualkan pada 11 Ogos ini bagi membahaskan laporan RCI itu.

Pada 5 Ogos lalu, Menteri Komunikasi Datuk Seri Fahmi Fadzil memaklumkan sebanyak 35 hingga 40 Ahli Parlimen telah menyatakan kesediaan dan minat untuk mengambil bahagian dalam sidang khas berkenaan.

SINAR HARIAN

13.08.2026 (KHAMIS)

Tujuh direman kes rasuah lepaskan ayam sejuk beku

KOTA KINABALU - Empat penjawat awam antara tujuh individu direman tiga hari disyaki merasuah pegawai pihak berkuasa di sebuah pelabuhan di Sabah sebagai balasan melepaskan pemeriksaan ayam sejuk beku yang diimport secara tidak sah.

Kesemua suspek direman sehingga 15 Ogos depan selepas perintah reman dikeluarkan Majistret Marilyn Kelvin di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu.

Penahanan itu dilakukan dalam operasi Op Chick oleh Bahagian Perisikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sabah pada Selasa.

Operasi berkenaan turut membawa kepada penyitaan 10 kontena ayam sejuk beku yang diimport dari China dan Poland secara tidak sah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman mengesahkan tangkapan berkenaan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

BERITA HARIAN

14.08.2026 (JUMAAT)

LAPORAN RCI TABUNG HAJI

SPRM buka 14 kertas siasatan selepas kesan pelbagai kelemahan

28 premis diserbu, sita pelbagai dokumen dengan tujuh tangkapan serta 5 direman

Oleh Mohd Roji Kawi
dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my



SPRM menjalankan siasatan dengan teliti terhadap kertas siasatan awal yang dibangkit dalam Laporan RCI TH. (Foto hiasan)

Kuching: Sebanyak 14 kertas siasatan termasuk lapan yang baharu, dibuka Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan pelbagai kelemahan dikesan menerusi pendedahan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Tabung Haji.

Sepanjang tempoh dua minggu siasatan berlangsung setakat ini, SPRM menyerbu sekurang-kurangnya 28 premis, sebahagian besarnya di Lembah Klang, yang membawa kepada sitaan pelbagai dokumen dengan tujuh tangkapan suspek, termasuk lima direman, manakala dua lagi tidak direman atas faktor kesihatan.

Setakat ini, seramai 115 individu sudah dipanggil dan diambil keterangan masing-masing di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abdul Halim Aman, berkata tiga daripada enam kertas siasatan awal yang dibangkitkan dalam laporan RCI itu sudah selesai sepenuhnya dengan ada Perakuan Untuk Pertuduhan dan Tiada Tindakan Lanjut (NFA), manakala tiga lagi siasatan berada pada peringkat akhir.

"Enam dakwaan rasuah yang disiasat SPRM sebelum ini merangkumi dakwaan rasuah dalam pembelian ladang oleh TH Plantation, yang juga anak syarikat TH.

"Kedua, berkaitan dakwaan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam sewaan premis Restoran Opah di KL Sentral, ketiga membabitkan dakwaan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam penyelewengan sebuah lagi restoran.

"Keempat adalah berkaitan dakwaan penyelewengan dan rasuah oleh bekas Ketua Pegawai Operasi TH. Kelima, dakwaan pemalsuan dokumen Rubber City yang dikatakan ladang Tabung Haji, manakala keenam adalah dakwaan penyelewengan pegawai bagi anak syarikat Tabung Haji Properties Sdn Bhd," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Teliti aliran kewangan

Abdul Halim berkata, SPRM dalam siasatannya menjalankan pengesanan terhadap aliran kewangan, termasuk penelitian dokumen dan penyata kewangan daripada institusi perbankan serta kewangan berkaitan.

"SPRM juga sedang meneliti secara terperinci dokumen perjanjian kontrak serta dokumen pembayaran dan meneruskan siasatan terhadap keenam-enam isu yang dibangkitkan dalam laporan RCI berkenaan.

"Selepas dua minggu menjalankan siasatan, tiga daripada enam isu itu sudah selesai sepenuhnya, dengan terdapat perakuan untuk pertuduhan dan juga perakuan NFA, manakala tiga isu lagi berada pada peringkat akhir siasatan," katanya.

Abdul Halim berkata, semakan terperinci SPRM terhadap Laporan RCI TH menemukan lapan isu tambahan berkaitan pelaburan bermasalah, sekali gus membawa kepada pembukaan siasatan baharu menjadikan keseluruhannya kini 14 kertas siasatan.

Beliau berkata, lapan pelaburan yang kini disiasat SPRM membabitkan Deru Semangat Sdn Bhd dalam sektor perladangan sawit; ABRAJ Sdn Bhd; Putrajaya Perdana Berhad; Al-Raudhah Real Estate; Al-Farida Residential Fund; Tabung Haji Properties Sdn Bhd; Tabung Haji Marine Sdn Bhd serta Tabung Haji Hotel & Residence.

Katanya, dokumen yang dibawa pulang pegawai penyiasat daripada pejabat dan premis yang diserbu sedang diteliti untuk tindakan seterusnya termasuk mengenal pasti saksi.

"Dokumen itu sudah dibawa pulang oleh pegawai penyiasat dan ia akan disemak, diteliti dan sebagainya mlah pasukan penyiasat juga akan mengenal pasti siapa (seterusnya) akan dipanggil untuk tujuan dirakam keterangan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap dapat memanggil individu-individu yang sedang dikenal pasti bagi membantu siasatan itu secepat mungkin dalam tempoh dua atau tiga minggu akan datang," katanya.

Pada 30 Julai lalu, SPRM menubuhkan pasukan khas bagi menyemak dan meneliti hasil laporan RCI TH yang didedahkan sehari sebelum itu.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar, dilantik mengetuai pasukan khas itu bagi meneliti sebarang isu perundangan membabitkan unsur rasuah, penyelewengan, pemalsuan dokumen, salah guna kuasa atau pengubahan wang haram.

SINAR HARIAN

14.08.2026 (JUMAAT)

Konstabel ditahan, dadah lebih RM18,000 ditemukan dalam lokap

IPOH - Seorang konstabel ditahan bagi membantu siasatan penemuan dadah bernilai lebih RM18,000 di lokap Balai Polis Lumut, Selasa lalu.

Tangkapan terhadap anggota berusia 30-an dibuat susulan pemeriksaan dijalankan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung kira-kira jam 8.30 pagi.

Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Alwi Zainal Abidin berkata, dua lelaki yang juga orang kena tuduh (OKT) turut ditahan bersama rampasan pelbagai jenis dadah.

"Rampasan melibatkan 16 bungkusan tiub plastik disyaki mengandungi methamphetamine seberat 109.54 gram, 16 bungkusan heroin (110.37 gram) serta 23 bungkusan daun kering disyaki kanabis seberat 142.31 gram.

"Jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan RM18,534," katanya ketika sidang akhbar sempena Majlis Perasmian Pelupusan Barang Kes Dadah dan Ketum Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Perak 2026 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini pada Khamis.

Mohd Alwi berkata, hasil semakan mendapati, anggota terbabit bertugas di Balai Polis Lumut tidak mempunyai rekod kesalahan lampau dan negatif dadah.

"Saringan awal air kencing terhadap dua OKT masing-masing berusia lingkungan 40 tahun mendapati positif dadah jenis methamphetamine.

"Polis sedang menjalankan siasatan lanjut termasuk mengenal pasti bagaimana bahan terlarang itu boleh dibawa masuk ke dalam lokap," katanya.

Tambahnya, semua tangkapan direman tujuh hari sehingga 18 Ogos bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1)(a) akta sama.



Mohd Alwi (kiri) menunjukkan dadah ditemukan di lokap Balai Polis Lumut.

HARIAN METRO

16.08.2026 (AHAD)



SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Ipoh untuk perintah reman.

MAKAN SUAP DARI 2022!

Anggota penguat kuasa terima rasuah syarikat pembungkusan minyak masak direman tiga hari

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Terima rasuah sejak tahun 2022 hingga kini melalui pemberian cek berjumlah RM190,000.

Tindakan anggota penguat kuasa yang menerima suapan diberikan sebuah syarikat pembungkusan minyak masak bagaimanapun berjaya dibongkar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak.

Difahamkan rasuah berkenaan diberikan sebagai balasan membantu proses permohonan kuota subsidi minyak masak daripada sebuah kementerian serta tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas syarikat itu.

Susulan itu suspek direman selama tiga hari sehingga 16 Ogos ini.

Perintah reman dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mohd Shazmeer Zamhari selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Ipoh, Perak, pagi semalam.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Taiping.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara tahun 2022 hingga 2026.

"Suspek dipercayai menerima wang rasuah melalui 19 keping cek yang dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi miliknya," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perak, Azizul Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO

16.08.2026 (AHAD)



KETUA pegawai eksekutif (CEO) dan pengarah syarikat bergelar Datuk dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam untuk dikenakan tahanan reman.

RCI TH: DIDAKWA KEMUKA DOKUMEN TUNTUTAN MENGANDUNGI BUTIRAN PALSU

7 TERMASUK CEO DITAHAN

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Suharmin Yusuf
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tujuh individu membabitkan seorang ketua pegawai eksekutif (CEO), pengarah syarikat, bekas pengarah syarikat dan empat bekas pengurusan kanan Lembaga Tabung Haji (TH) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Sumber berkata, suspek pertama ditahan adalah seorang CEO syarikat perkapalan bergelar Datuk berusia lingkungan 60-an.

"Dia ditahan SPRM kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu ketika membuat bayaran kepada TH membabitkan pemalsuan dokumen kontrak sebuah syarikat petroleum untuk kepentingan syarikat miliknya.

"Suspek kedua dan ketiga ditahan, masing-masing bergelar Datuk dan Datuk Seri berusia lingkungan 60-an. Dia ditahan kerana disyaki memperdayakan pegawai TH untuk membuat pelaburan ke sebuah syarikat pembinaan," katanya.

Menurutnya, suspek menjanjikan potensi syarikat akan disenaraikan ke Bursa Saham Malaysia.

"Manakala empat bekas pengurusan kanan TH berusia lingkungan 50-an dan 60-an termasuk seorang bergelar Datuk Seri dan seorang wanita ditahan kerana disyaki terbabit dengan amalan rasuah sehingga mendorong TH memasuki perjanjian pajakan empat hotel dengan sebuah syarikat di Arab Saudi berjumlah SR2.49 bilion.

"Tindakan itu menyebabkan kerugian besar kepada TH.

"Bagaimanapun, hanya dua suspek lelaki iaitu CEO syarikat perkapalan dan pengarah syarikat pembinaan bergelar Datuk direman manakala lima lagi suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM kerana masalah kesihatan.

"Perintah reman selama lima hari sehingga 19 Ogos 2026 terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Ahmad Afiq Hasan selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam," katanya.

Menurut sumber, kesemua suspek ditahan secara berperingkat kira-kira jam 3 petang hingga 10.30 malam kelmarin di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Tahanan reman ini adalah susulan daripada siasatan oleh pasukan khas yang ditubuhkan SPRM bagi menyemak dan meneliti hasil Laporan RCI Tabung Haji yang didedahkan kepada umum menerusi portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 29 Julai 2026.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Sri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 serta Seksyen 16(a)(A) Aktaa SPRM 2009.

SINAR HARIAN

16.08.2026 (AHAD)

4 bekas pengurusan kanan TH ditahan SPRM

Antara tujuh yang ditahan bantu siasatan berhubung isu dibangkitkan dalam RCI TH



Antara individu yang ditahan oleh SPRM untuk siasatan lanjut berkaitan kes melibatkan RCI TH.

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

PUTRAJAYA - Empat bekas pengurusan kanan Lembaga Tabung Haji (TH) antara tujuh individu yang ditahan pada Jumaat bagi membantu siasatan berhubung isu dibangkitkan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Menurut sumber, semua suspek ditahan secara berperingkat antara jam 3 petang hingga 10.30 malam di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Suspek pertama, seorang CEO sebuah syarikat perkapalan bergelar Datuk berusia dalam lingkungan 60-an ditahan kerana disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butiran matan palsu ketika membuat bayaran kepada TH.

Ia dipercayai membabitkan pemalsuan dokumen kontrak sebuah syarikat petroleum bagi kepentingan syarikat miliknya.

Dua lagi suspek, masing-masing bergelar Datuk dan Datuk Seri berusia lingkungan 60-an ditahan kerana disyaki memperdayakan pegawai TH supaya membuat pelaburan dalam sebuah syarikat pembinaan dengan menjanjikan potensi syarikat berkenaan disenaraikan di Bursa Malaysia.

Sementara itu, empat bekas pengurusan kanan TH berusia antara 50-an dan 60-an termasuk seorang bergelar Datuk Seri dan seorang wanita ditahan kerana disyaki terbabit dalam amalan rasuah.

Perbuatan tersebut dipercayai mendorong pihak TH memasuki perjanjian pajakan empat buah hotel dengan sebuah syarikat di Arab Saudi berjumlah SR2.49 bilion yang menyebabkan kerugian kepada TH.

Bagaimanapun, hanya dua suspek lelaki iaitu CEO syarikat perkapalan dan pengarah syarikat pembinaan bergelar Datuk direman, manakala lima lagi suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM atas faktor masalah kesihatan.

Perintah reman selama lima hari sehingga 19 Ogos terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Ahmad Afiq Hasan selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu.

Tahanan tersebut susulan siasatan pasukan khas yang ditubuhkan SPRM bagi menyemak dan meneliti hasil RCI TH yang didedahkan kepada umum menerusi portal rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 29 Julai lalu.

Dalam pada itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman mengesahkan penahanan berkenaan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 18 dan Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

SINAR HARIAN

17.08.2026 (ISNIN)



Kedua-dua suspek dibawa pegawai SPRM keluar dari Mahkamah Majistret Kuantan selepas mendapat perintah dan sambungan reman.

FOTO: SPRM PAHANG

Polis peronda disyaki terima rasuah

Wang RM14,000 dipercayai sebagai balasan 'tutup mata' kesalahan trafik di LPT2

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN

KUANTAN - Seorang anggota polis peronda ditahan kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM14,000 sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengguna Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang melakukan kesalahan lalu lintas.

Suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu ditahan kira-kira jam 5.30 petang pada Sabtu ketika hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang di sini.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati suspek dipercayai bersubahat melakukan perbuatan tersebut bersama seorang lagi pegawai polis peronda sejak Januari hingga Julai lalu.

> Suspek dipercayai menerima wang rasuah melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank pihak ketiga."

"Suspek dipercayai menerima wang rasuah melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank pihak ketiga.

"Suspek kini ditahan reman selama lima hari sehingga 20 Ogos," katanya.

Tambah sumber itu, perintah reman terhadap suspek dikeluarkan Majistret Ellyna Othman selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kuantan di sini pada Ahad.

Sementara itu, katanya, seorang lagi pegawai polis peronda berusia lingkungan 30-an yang direman sebelum ini disambung reman selama empat hari sehingga 19 Ogos.

"Perintah lanjutan reman tersebut turut dikeluarkan Majistret Ellyna Othman selepas tempoh reman pertama terhadap pegawai polis berkenaan berakhir pada Ahad," jelasnya.

Pengarah SPRM Pahang, Mohamad Shukor Mahmud ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua suspek.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

SINAR HARIAN

18.08.2026 (SELASA)

SPRM reman CEO Alam Maritim

Nama Alam Maritim pernah muncul dalam dapatan RCI TH

KUALA LUMPUR - Alam Maritim Resources Bhd mengumumkan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulannya, Datuk Azmi Ahmad sedang direman bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Berikutan pengumuman itu, saham penyedia perkhidmatan minyak dan gas berkenaan susut sehingga 2.5 sen atau hampir 10 peratus kepada 24 sen pada Isnin, paras terendah dalam tempoh kira-kira lima bulan sejak 5 Mac lalu.

Alam Maritim dalam makluman kepada Bursa Malaysia menjelaskan, reman itu bertujuan membantu siasatan dan bukan disebabkan sebarang salah laku yang telah dikenal pasti terhadap Azmi.

"Lembaga pengarah telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan kesinambungan operasi kumpulan dan akan membuat pengumuman selanjutnya sekiranya terdapat sebarang perkembangan penting," katanya.

Azmi menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan dan CEO Alam Maritim sejak 2 Mei 2006.

Perkembangan itu berlaku beberapa hari selepas SPRM menahan tujuh individu termasuk empat bekas pegawai kanan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi membantu siasatan susulan dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai institusi berkenaan.

Menurut laporan sebelum ini, antara individu yang ditahan ialah seorang CEO syarikat perkapalan bergelar Datuk dalam lingkungan usia 60-an yang disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir-



AZMI

an palsu ketika membuat pembayaran kepada TH.

Individu berkenaan turut disyaki memalsukan dokumen kontrak membabitkan sebuah syarikat petroleum bagi memberi manfaat kepada syarikatnya.

CEO syarikat perkapalan itu merupakan antara dua daripada tujuh individu yang diperintah direman selama lima hari sehingga 19 Ogos selepas permohonan SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu lalu.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 18 dan Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Bagaimanapun, setakat ini SPRM belum mengesahkan secara terbuka sama ada Azmi merupakan CEO syarikat perkapalan yang dirujuk dalam penahanan berkenaan atau sama ada remannya mempunyai kaitan secara langsung dengan siasatan susulan RCI TH.

Alam Maritim mempunyai hubungan perniagaan dengan TH termasuk menerusi usaha sama yang diwujudkan bagi pelaburan dalam perniagaan kapal sokongan marin luar pesisir.

RCI TH sebelum ini mengenal pasti pelaburan membabitkan Alam Maritim Resources dan kumpulan TH Marine sebagai antara 14 pelaburan bermasalah, dengan susut nilai berjumlah RM278 juta direkodkan.

BERITA HARIAN

18.08.2026 (SELASA)

MARA serah kepada polis siasat kes gangguan seksual

Kuala Lumpur: Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Asyraf Wajdi Dusuki, mengesahkan dakwaan gangguan seksual membabitkan lapan pelajar berlaku di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Ipoh, Perak.

Asyraf Wajdi berkata, kes terbabit membabitkan kakitangan institusi pendidikan berkenaan dengan pelajar perempuan.

"Kita sudah serahkan kes kepada polis dan juga menjalankan siasatan mengikut kesalahan tatatertib," katanya kepada *BH*, di sini.

Terdahulu, Asyraf Wajdi menulis di media sosial bahawa MARA tidak akan berkompromi terhadap perilaku songsang, sekali gus akan mengambil tindakan tegas, termasuk memecat mereka yang terbabit dalam jenayah terbabit.

Asyraf Wajdi yang juga Setiausaha Agung UMNO turut memberi jaminan tiada kes yang akan disorok ataupun didiamkan atas apa juga alasan.

Beliau berkata, tiada keperluan untuk menjaga nama baik institusi jika membabitkan keselamatan dan kebajikan pelajar.

MARA gantung petugas kes dakwaan gangguan seksual



Keratan akhbar BH semalam.

"Jangan takut buat laporan atas sebarang salah laku terutamanya membabitkan gangguan seksual," katanya.

Asyraf Wajdi berkata, dalam kes membabitkan lapan pelajar itu, beliau menerima sendiri mesej daripada beberapa pelajar berhubung dakwaan gangguan seksual terbabit.

Katanya, beliau meminta pengurusan mengambil tindakan serta-merta untuk menggantung kakitangan terbabit bagi melancarkan siasatan supaya tiada gangguan.

"Puas saya memujuk mereka supaya membuat juga laporan polis kerana itu membabitkan kes jenayah. Saya pelik pelajar ini lebih berani mengadu terus kepada saya berbanding pihak pengurusan," katanya.



MARA tidak akan berkompromi dengan perilaku songsang di bawah agensi kelolaannya. (Foto L Manimaran/BH)

BERITA HARIAN

19.08.2026 (RABU)

Tiga termasuk CEO dan CFO terbabit rasuah didakwa hari ini

Suspek berdepan tuduhan skandal jutaan ringgit di dua Mahkamah Sesyen

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiga individu berprofil tinggi termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) sektor korporat yang terbabit dengan skandal rasuah bernilai jutaan ringgit akan didakwa di Mahkamah Sesyen di dua negeri, hari ini.

BH difahamkan, pertuduhan membabitkan CEO sebuah bank pelaburan berkaitan amanah akan berlangsung di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, pada jam 9 pagi hari ini.

Pertuduhan berkenaan difahamkan adalah berkaitan satu siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), membabitkan nilai rasuah lebih RM130 juta.

Nilai rasuah RM6.56 juta

Di Mahkamah Sesyen Seremban, Negeri Sembilan, seorang CFO di institusi pengajian tinggi swasta terkenal di sebuah negeri di selatan tanah air akan dituduh pada waktu sama.

BH difahamkan, pertuduhan membabitkan tertuduh ini membabitkan nilai rasuah berjumlah RM6.56 juta.

Selain itu, seorang lagi yang akan dituduh adalah seorang wanita bergelar Datuk yang juga pengarah sebuah syarikat.

Beliau sebelum ini pernah dikaitkan dengan sebuah pelaburan yang disiasat oleh SPRM dan pernah dituduh di mahkamah atas kesalahan pecah amanah.

Setakat ini, tidak dapat dipastikan adakah tertuduh berkenaan disiasat atas kes pelaburan sama atau siasatan baharu yang dibuka oleh SPRM.

Namun, wanita berusia 50-an ini akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada jam 9 pagi hari ini.

Sementara itu, seorang pegawai kanan SPRM mengesahkan ketiga pertuduhan berkenaan kepada *BH*, namun beliau enggan mengulas lanjut.

BERITA HARIAN

20.08.2026 (KHAMIS)

Tiada keterangan mencukupi dakwa Xavier: SPRM

Kuala Lumpur: Siasatan berhubung kes membabitkan bekas Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Dr Xavier Jayakumar yang dibuka pada 2021 sudah selesai dijalankan.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, keputusan berkenaan dibuat selepas pihaknya menjalankan penelitian dan siasatan secara menyeluruh terhadap maklumat serta keterangan yang diperoleh berhubung kes berkenaan.

Katanya, sebanyak dua kertas siasatan sudah dibuka pada 2021 mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

"Selepas siasatan dan penelitian terhadap fakta, dokumen serta keterangan berkaitan dilaksanakan, Timbalan Pendakwa Raya membuat keputusan Kemas Untuk Simpan (KUS) kes berkenaan pada 2024 kerana tiada keterangan mencukupi untuk menuduh Xavier," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, sebuah portal berita melaporkan, bekas Ahli Parlimen Petaling Jaya, Kua Kia Soong mempersoalkan status siasatan rasuah terhadap bekas Ahli Parlimen Kuala Langat, Xavier Jayakumar kerana tiada pengesahan sama ada beliau didakwa, disabitkan kesalahan atau dibebaskan daripada sebarang salah laku.

Kia Soong menjadi Ahli Parlimen Petaling Jaya dari 1990 hingga 1995 berkata, ketiadaan penjelasan mewujudkan jurang akauntabiliti serta menimbulkan persoalan mengenai kredibiliti institusi yang bertanggungjawab untuk menyiasat rasuah.

SPRM menjelaskan tempoh sesuatu siasatan bergantung kepada kompleksiti kes serta keperluan untuk mendapat, meneliti dan mengesahkan maklumat serta keterangan yang berkaitan.

SPRM menegaskan, setiap siasatan dijalankan secara profesional, telus dan berdasarkan fakta serta keterangan diperoleh tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

"Sehubungan itu, semua pihak diminta supaya tidak membuat sebarang spekulasi atau andaian berhubung perkara berkenaan memandangkan siasatan sudah selesai," katanya.

Baru-baru ini, Xavier mengesahkan kembali menyertai PKR, lima tahun selepas meninggalkan parti itu ketika masih menjadi pembangkang.

Beliau kemudian menyokong pentadbiran Perdana Menteri ketika itu, Muhyiddin Yassin sebagai Ahli Parlimen Bebas.

BERITA HARIAN

20.08.2026 (KHAMIS)

Bekas CEO bank pelaburan didakwa tipu RM139.89j

Tertuduh mengaku tidak bersalah perdaya pengarah urusan

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) UBB Investment Bank Limited mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memperdaya seorang pengarah urusan berhubung pembayaran berjumlah RM139.89 juta, tahun lalu.

Tertuduh, Razlan Raghazli, 43, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan hakim, Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, Razlan sebagai CEO UBB Investment Bank Limited menipu Aida Aizura Othman yang juga Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UBB Amanah Berhad, dengan memperdayakan beliau untuk mempercayai bahawa jadual pembayaran dinyatakan di surat UBB Investment Bank Limited.

Surat itu bertajuk *Disbursement Advice on Islamic Property Financing Under Bai-Bithamin Ajil* (BBA) bertarikh 18 September 2025 yang ditandatanganinya adalah selaras dan berdasarkan nasihat daripada Peguam Cara Tetuan Kassim Tadin, Wai & Co.



Razlan tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hari Anggara/BH)

Bercanggah dengan nasihat

Bagaimanapun, tertuduh didakwa mengetahui ia sebenarnya bercanggah dengan nasihat sudah diberikan Peguam Cara berkenaan dan dengan perdayaan itu, tertuduh dengan secara tidak jujur mendorong Aida Aizura untuk melepaskan pembayaran wang RM139,891,776 kepada EL-MU Higher Education Sdn Bhd.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di UBB Investment Bank Limited, B-G-08, Galeria Hartamas, No. 21 Jalan 26/70A, Desa Sri Hartamas, di sini, pada September 2025.

Pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi 10 tahun, sebatan serta boleh dikenakan denda, jika disabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya (DPP) mencadangkan jaminan dibenarkan RM100,000 dengan seorang penjamin serta dilarang berkomunikasi atau berjumpa saksi pendakwaan.

Peguam kemudian memohon pengurangan atas alasan tertuduh tidak bekerja sejak Jun lalu selain menanggung keluarga dengan mempunyai empat anak serta ibu yang sakit.

Mahkamah membenarkan Razlan diikat jamin RM60,000 dengan seorang penjamin selain turut memerintahkan pasportnya diserahkan kepada mahkamah sehingga kes itu selesai, selain tidak boleh mengganggu atau berkomunikasi dengan mana-mana saksi.

Tertuduh diwakili peguam Azamudin Abd Aziz, manakala pendakwaan dikendalikan DPP Hazel Tan.

Dalam prosiding sama, peguam pemerhati mewakili UBB, Johan Mohan Abdullah memohon supaya nama UBB tidak disebut dalam laporan media berhubung kes berkenaan, namun hakim menolak permohonan itu.

Pengurusan kes ditetapkan pada 12 Oktober ini, termasuk bagi penyerahan dokumen berkaitan.

BERITA HARIAN

20.08.2026 (KHAMIS)

CFO universiti swasta didakwa pecah amanah lebih RM6 juta

Seremban: Seorang Ketua Pegawai Kewangan (CFO) sebuah universiti swasta di Nilai mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM6.56 juta, sejak September 2025 hingga April lalu.

Noraini Aripin, 55, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Datin M Kunasundary Marimuthu.

Mengikut pertuduhan, Noraini yang diamanahkan dengan penguasaan wang berjumlah RM6,557,720, didakwa menyalahgunakan dana berkenaan dengan membuat pembayaran selain bagi tujuan pembayaran duti ad valorem kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat universiti berkenaan antara September 2025 hingga April lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

Jaminan RM100,000

Timbalan Pendakwa Raya Syairah, Aqilah Khalil menawarkan jaminan RM100,000 dengan dua penjamin, berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah, dan tertuduh perlu melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan setiap bulan.

Bagaimanapun, peguam Kelvin Ong memohon kadar jaminan dikurangkan kepada RM50,000 dengan alasan anak guamnya ialah ibu kepada lima anak, menghidap kanser payudara tahap tiga dan kini menjalani rawatan di sebuah hospital swasta, selain berpendapatan RM15,000 sebulan.



Noraini dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam. (Foto BERNAMA)

Hakim kemudian menetapkan jaminan RM80,000 dengan dua penjamin, selain membenarkan semua permohonan pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 21 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes. BERNAMA

BERITA HARIAN

20.08.2026 (KHAMIS)

Kes pecah amanah

Norliza didakwa lagi, babit wang haram RM13.45 juta

Kuala Lumpur: Pengarah syarikat, Datuk Norliza Tajudin didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas 10 pertuduhan pengubahan wang haram bernilai RM13.45 juta.

Tertuduh, Norliza, 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim, Suzana Hussin sebelum mohon dibicarakan.

Mengikut sembilan pertuduhan, Norliza didakwa menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM6,018,209.29 daripada akaun bank milik syarikat Energy Eco Berhad ke beberapa akaun bank miliknya antara 1 Februari 2021 hingga 2 Februari 2024.

Wang itu didakwa diterima menerusi cek dan pindahan dalam talian ke beberapa akaun bank miliknya di beberapa cawangan sekitar Kuala Lumpur.

Bagi pertuduhan ke-10, Norliza sebagai Pengarah Aura Emas Trading Sdn Bhd didakwa menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM7,438,396 daripada Energy Eco Berhad.

Ia melalui 10 cek dimasukkan ke akaun Maybank Islamic Berhad milik Aura Emas Trading antara 9 Mac hingga 7 November 2022. Semua 10 pertuduhan itu membabitkan jumlah keseluruhan RM13,456,605.29.

Sembilan pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613), manakala pertuduhan ke-10 mengikut seksyen sama dibaca bersama Seksyen 87(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi jika disabitkan bersalah.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Qistini Qamarul Abrar hadir bagi pihak pendakwaan, manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk Gobinath Mohanna.

Mahkamah kemudian memerintahkan kes itu dibicarakan bersama kes pecah amanah yang dihadapi Norliza sebelum ini serta membenarkan syarat ikat jamin terdahulu diguna pakai.

Terdahulu media melaporkan, bekas Pengerusi Majlis Penasihat Shariah (SAC) Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar dan Norliza didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, terhadap tuduhan pecah amanah membabitkan RM10.55 juta pada 11 Mei lalu.

SINAR HARIAN

22.08.2026 (SABTU)

Disyaki seleweng RM190 juta

FOTO: BERNAMA



Lelaki berusia 60-an itu dibawa anggota SPRM untuk perintah tahanan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Jumaat.

Bekas CEO TH pula direman bagi bantu siasatan susulan pendedahan RCI TH

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA - Selepas beberapa siri tindakan penguatkuasaan susulan pendedahan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH) dilancarkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus mengorak langkah lebih jauh apabila siasatan kini menjurus kepada peringkat pengurusan tertinggi institusi berkenaan pula.

Terbaharu, seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TH direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes penyelewengan wang pelaburan dan saham daripada TH bernilai kira-kira RM190 juta, susulan pendedahan RCI berkenaan.

Perintah reman sehingga 27 Ogos ini dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM Putrajaya pada Jumaat.

Ahli korporat berusia lingkungan 60-an itu dilihat tiba di mahkamah dengan menaiki kenderaan SPRM kira-kira jam 9.35 pagi.

Dia yang memakai baju lokap SPRM warna oren dan bergari itu kelihatan tenang ketika dibawa pegawai suruhanjaya terbabit.

Menurut sumber, suspek ditahan kira-kira jam 3.30 petang Khamis ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Minggu lalu, SPRM turut menahan tujuh individu termasuk seorang wanita terdiri daripada masing-masing seorang CEO, pengarah syarikat dan bekas pengarah syarikat serta empat bekas pengurusan kanan Lembaga TH bersabit isu RCI tersebut.

Suspek pertama yang ditahan merupakan seorang CEO sebuah syarikat perkapalan bergelar Datuk berusia lingkungan 60-an.

Dia disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu ketika membuat bayaran kepada TH melibatkan pemalsuan dokumen kontrak sebuah syarikat petroleum untuk kepentingan syarikat miliknya.

LAPORAN MUKA DEPAN

Suspek kedua dan ketiga yang masing-masing bergelar Datuk dan Datuk Seri berusia lingkungan 60-an pula ditahan kerana disyaki memperdayakan pegawai TH untuk membuat pelaburan ke sebuah syarikat pembinaan dengan menjanjikan potensi syarikat akan disenaraikan ke Bursa Malaysia.

Sementara empat bekas pengurusan kanan TH berusia lingkungan 50-an hingga 60-an termasuk seorang bergelar Datuk Seri dan seorang wanita ditahan kerana disyaki terlibat dengan amalan rasuah sehingga mendorong TH memasuki perjanjian pajakan empat buah hotel dengan sebuah syarikat di Arab Saudi berjumlah SR2.49 bilion yang telah menyebabkan kerugian kepada TH.

Bagaimanapun, hanya dua suspek lelaki iaitu CEO syarikat perkapalan dan pengarah syarikat pembinaan itu direman lima hari sehingga 19 Ogos, sementara lima lagi individu dilepaskan dengan jaminan SPRM kerana masalah kesihatan.

Sementara itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) membuka lima kertas siasatan berhubung kes melibatkan TH termasuk perkara yang dinyatakan dalam Laporan RCI TH.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, setakat ini sebanyak 127 orang sudah diambil keterangan bagi membantu siasatan.

"Beberapa orang lagi akan dipanggil untuk diambil keterangan, termasuk saksi dari luar negara," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

KRONOLOGI TINDAKAN SPRM

Selepas Jemaah Menteri pada 29 Julai 2026 bersetuju supaya Laporan RCI TH didedahkan dan siasatan penuh dibuat serta-merta, berikut antara tindakan yang diambil SPRM:

30 Julai 2026
- SPRM menubuhkan pasukan khas bagi menyemak dan meneliti hasil Laporan RCI.

5 Ogos 2026
- Bekas CEO dan bekas CFO sebuah syarikat milik badan berkanun ditahan untuk siasatan kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dalam proses pembelian saham dua buah syarikat perladangan bernilai RM370 juta, berdasarkan laporan RCI.

5 Ogos 2026
- Tiga individu iaitu timbalan pengurus besar pembinaan, pengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pengarah projek sebuah syarikat hartanah yang merupakan anak syarikat badan berkanun direman lima hari disyaki bersubahat menyeleweng cej notis penalti (NOP) kira-kira RM450,000.

13 Ogos 2026
- SPRM membuka 14 kertas siasatan dengan menyerbu serta memeriksa 28 premis yang sebahagian besarnya di Lembah Klang.

15 Ogos 2026
- SPRM menahan tujuh individu terdiri daripada seorang CEO, seorang pengarah syarikat, seorang bekas pengarah syarikat dan empat bekas pengurusan kanan TH bagi membantu siasatan.

21 Ogos 2026
- Bekas CEO TH direman tujuh hari bagi membantu siasatan.

BERITA HARIAN

22.08.2026 (SABTU)

LAPORAN RCI TABUNG HAJI

Bekas CEO TH direman 7 hari

Suspek bergelar Tan Sri tiba di mahkamah diiringi pegawai SPRM

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Tabung Haji (TH) bergelar Tan Sri direman selama tujuh hari berkaitan laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH.

Perintah reman sehingga 27 Ogos ini dikeluarkan Majistret, Ezrene Zakariah, selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Terdahulu, suspek berusia 60-an yang memakai pakaian lokap jingga dan bergari itu, tiba pada jam 9.38 pagi diiringi pegawai SPRM.

BH kelmarin, melaporkan beliau dipercayai menjadi antara individu terbaru dalam radar siasatan SPRM berhubung laporan RCI TH.

Ahli korporat terkenal

Sumber sebelum ini memaklumkan, individu berkenaan juga adalah ahli korporat terkenal yang pernah memegang jawatan di beberapa syarikat terkemuka di negara ini.

SPRM sebelum ini sudah menahan dan memanggil tujuh individu bagi membantu siasatan berhubung RCI itu.

Mereka terdiri daripada seorang bekas ketua pegawai eksekutif syarikat perkapalan selain seorang pengarah syarikat pembinaan, seorang bekas pengarah syarikat serta empat bekas pengurusan kanan Tabung Haji.

Sebelum ini, laporan RCI TH yang didedahkan selepas empat tahun, mengemukakan sebanyak 25 syor utama bagi meningkatkan ketelusan, profesionalisme, dan tadbir urus institusi terbabit.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI terbabit ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.

Malah, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah supaya siasatan berhubung laporan RCI TH dijalankan 'sehingga ke lubang cacing'.



Bekas CEO TH tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BERITA HARIAN

22.08.2026 (SABTU)

Kes jual tanah kerajaan

5 individu termasuk pengerusi agensi negeri bergelar Datuk direman empat hari

Georgetown: Lima individu termasuk pengerusi agensi negeri bergelar Datuk direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung kes penjualan tanah kerajaan pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran.

Majistret Noor Idayu Salim membenarkan perintah reman sehingga Isnin depan selepas permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bagi membolehkan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Peguam mewakili individu terbabit, Dr Shamsher Singh Thind, berkata SPRM awalnya memohon kebenaran tujuh hari selain memberitahu bahawa ia adalah kes pada 2015.

Beliau berkata, pihak berkuasa dikatakan menyiasat aduan baharu dibuat pada 17 Ogos lalu yang didakwa mengemukakan perkembangan baharu dan membawa kepada siasatan semula kes berkenaan.

"Perkara berkenaan dipercayai berkaitan dengan pertikaian pada 2015 mengenai penjualan tanah kepada sebuah syarikat yang pengarahnya sudah bertukar.

"Perkara ini sebenarnya sudah diselesaikan sebelum ini, yang mana diskaun Bumiputera 10 peratus dipulangkan kepada agensi kerajaan berkenaan," katanya.

Dua ditahan adik-beradik

Shamser berkata, dua daripada yang ditahan adalah adik-beradik, manakala satu-satunya wanita yang ditahan adalah isteri kepada seorang daripada individu berkenaan.



Lima individu dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown, semalam. (Foto Auris Faqrurazzi/BH)

Media sebelum ini melaporkan SPRM menahan lima individu membabitkan seorang pengerusi, dua pengarah syarikat, pengurus teknikal dan kerani wanita selepas dipercayai menyalahgunakan kuasa dalam urusan pelupusan tanah milik agensi kerajaan di bawah sebuah kementerian di Pulau Pinang.

Suspek pertama pengerusi agensi kerajaan bergelar Datuk berusia lingkungan 50-an ditahan kerana dipercayai menyalahgunakan kedudukannya ketika itu sebagai Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah untuk meluluskan penjualan lapan lot tanah di Seberang Perai Selatan (SPS) pada 2015 kepada syarikat yang disyaki milik sekutunya.

Dia dipercayai menggunakan kedudukannya dengan meluluskan penjualan tanah berkenaan pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran membabitkan nilai kerugian kira-kira RM1.96 juta.

HARIAN METRO

22.08.2026 (SABTU)



LIMA individu dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown, Pulau Pinang.

SALAH GUNA KUASA URUSAN PELUPUSAN TANAH MILIK AGENSI KERAJAAN

5 DIREMAN EMPAT HARI

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lima individu dipercayai terbabit penyalahgunaan kuasa dalam urusan pelupusan tanah milik agensi kerajaan di bawah sebuah kementerian di Pulau Pinang direman, empat hari.

Mereka terdiri seorang pengerusi, dua pengarah syarikat, seorang pengurus teknikal serta seorang kerani berusia 40-an hingga 50-an.

Perintah reman selama empat hari itu sehingga 24 Ogos ini terhadap semua suspek dikeluarkan Majistret Noor Idayu Salim selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Georgetown, Pulau Pinang pagi semalam.

Sumber berkata, empat lelaki dan seorang wanita berkenaan ditahan antara jam 11 pagi dan 12 tengah hari, semalam ketika hadir untuk memberi keterangan di pejabat SPRM Pulau Pinang.

"Suspek pertama seorang pengerusi sebuah agensi kerajaan dipercayai bersubahat bersama empat lagi suspek menyalahgunakan kedudukannya pada ketika itu sebagai Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah untuk meluluskan penjualan lapan lot tanah di Seberang Prai Selatan pada 2015 kepada sebuah syarikat yang disyaki milik sekutunya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009

"Malah, suspek terbabit juga dipercayai menggunakan kedudukannya meluluskan penjualan tanah tersebut pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran membabitkan nilai kerugian kira-kira RM1.96 juta," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Terdahulu media melaporkan, SPRM menahan lima individu termasuk seorang bergelar Datuk dipercayai terbabit penyalahgunaan kuasa dalam urusan pelupusan tanah milik agensi kerajaan di bawah sebuah kementerian di Pulau Pinang.

SINAR HARIAN

22.08.2026 (SABTU)

FOTO: SPRM

Jual tanah bawah harga pasaran

Pengerusi agensi kerajaan antara lima individu direman kerana salah guna kedudukan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI



Lima individu dibawa anggota SPRM ke Mahkamah Majistret Georgetown untuk perintah tahanan reman pada Jumaat.



GEORGETOWN - Seorang pengerusi sebuah agensi kerajaan bergelar Datuk antara lima individu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan penjualan tanah kerajaan di negeri ini dengan harga lebih rendah berbanding harga pasaran sehingga menyebabkan kerugian RM1.96 juta.

Selain pengerusi berusia 50-an itu, mereka yang ditahan ialah dua pengarah syarikat, seorang pengurus teknikal dan seorang kerani wanita.

LAPORAN MUKA DEPAN

Perintah reman sehingga 24 Ogos terhadap kesemua suspek dikeluarkan Majistret Noor dayu Salim selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Georgetown di sini pada Jumaat.

Menurut sumber, empat suspek lelaki dan seorang suspek wanita berusia dalam lingkungan 40 dan 50-an itu ditahan antara jam 11 pagi dan 12 tengah hari Khamis ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Pulau Pinang.

"Suspek pertama seorang pengerusi sebuah agensi kerajaan dipercayai bersubahat bersama empat lagi suspek dengan menyalahgunakan kedudukannya ketika itu sebagai timbalan pengerusi dan ahli lembaga pengarah untuk meluluskan penjualan lapan lot tanah di Seberang Prai Selatan pada 2015 kepada sebuah syarikat yang disyaki milik sekutunya.

"Suspek terbabit juga dipercayai menggunakan kedudukannya meluluskan penjualan tanah tersebut pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran membabitkan nilai kerugian kira-kira RM1.96 juta," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Beliau berkata, Kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO

22.08.2026 (SABTU)

BEKAS CEO TH DIREMAN 7 HARI

Ahli korporat terbabit antara individu dalam radar siasatan SPRM berhubung laporan RCI TH

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Tabung Haji (TH) direman tujuh hari berkaitan laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH.

Perintah reman sehingga 27 Ogos ini dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi semalam.

Terdahulu, individu berusia 60-an yang memakai pakaian lokap warna jingga dan bergari itu, tiba pada jam 9.38 pagi diiringi pegawai SPRM.

Terdahulu media melaporkan beliau dipercayai menjadi antara individu terbaru dalam radar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung laporan RCI TH.

Sumber sebelum ini memaklumkan, individu berkenaan juga adalah ahli korporat terkenal yang pernah memegang jawatan di beberapa syarikat terkemuka di negara ini.

SPRM sebelum ini sudah menahan dan memanggil tujuh individu bagi membantu siasatan berhubung RCI itu.

Mereka terdiri daripada seorang bekas ketua pegawai eksekutif syarikat perkapalan selain seorang pengarah syarikat pembinaan, seorang bekas pengarah syarikat serta empat bekas pengurusan kanan Tabung Haji.

Sebelum ini, laporan RCI TH yang didedahkan selepas empat tahun, mengemukakan sebanyak 25 syor utama bagi meningkatkan ketelusan, profesionalisme dan tadbir urus institusi terbabit.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI terbabit ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.

Malah, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah supaya siasatan berhubung laporan RCI TH dijalankan 'sehingga ke lubang cacing'.



SEORANG bekas CEO TH diiringi pegawai SPRM ketika hadir ke Mahkamah Majistret Putrajaya. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

BERITA HARIAN

25.08.2026 (SELASA)

Kes jual tanah kerajaan



Dua Datuk dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Georgetown, semalam.
(Foto Auris Faqrurazzi/BH)

SPRM sambung reman dua Datuk

Georgetown: Tempoh reman dua individu bergelar Datuk yang disyaki terbabit kes salah guna kuasa dalam urusan pelupusan tanah milik agensi kerajaan di Pulau Pinang yang didakwa dijual di bawah harga pasaran, disambung tiga hari lagi bermula semalam.

Majistret, Nurhanisah S H Sahul Hamid, membenarkan permohonan sambung reman dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap pengerusi agensi kerajaan berusia 50-an dan seorang pengarah syarikat pemaju bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Peguam yang mewakili individu terbabit, Dr Shamsher Singh Thind, berkata pihaknya dimaklumkan SPRM memohon tempoh reman lebih lama bagi membolehkan siasatan diteruskan, termasuk bagi mengelakkan anak guamnya mengganggu saksi lain.

"SPRM memohon tempoh reman disambung selama empat hari lagi, tetapi mahkamah membenarkan tiga hari iaitu sehingga Rabu," katanya ringkas ketika ditemui pemberita di luar kamar mahkamah, semalam.

Difahamkan tiga lagi individu yang ditahan reman empat hari sebelum ini bagi membantu siasatan kes sama dibebaskan dengan jaminan.

HARIAN METRO

25.08.2026 (SELASA)

H/metro 25/8/2026 selasa

LUPUS TANAH RM1.96J

Datuk kena reman selama tiga hari lagi

George Town: Tempoh reman pengerusi agensi kerajaan dan pengarah syarikat bergelar Datuk disambung tiga hari hingga esok bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa dalam urusan pelupusan tanah di Pulau Pinang membabitkan kerugian RM1.96 juta.

Perintah reman terhadap kedua-dua lelaki berusia 40-an dan 50-an itu dikeluarkan oleh Majistret Nurhanisah SH Sahul Hamid di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Khamis lepas, SPRM menahan lima individu terdiri daripada pengerusi agensi kerajaan, dua pengarah syarikat, pengurus teknikal dan kerani wanita ketika hadir memberi keterangan di pejabat suruhanjaya itu sebelum direman empat hari mulai Jumaat lepas.

Bagaimanapun, tiga daripadanya telah dibebaskan dengan jaminan.

Pengerusi agensi kerajaan tersebut disyaki menyalahgunakan kedudukannya ketika memegang jawatan sebagai timbalan pengerusi dan ahli lembaga pengarah untuk meluluskan penjualan lapan lot tanah milik agensi di bawah sebuah kementerian di Seberang Perai Selatan pada 2015.

Tanah berkenaan dipercayai dijual kepada sebuah syarikat milik sekutunya pada harga jauh lebih rendah berbanding harga pasaran membabitkan nilai kerugian kira-kira RM1.96 juta.

BERITA HARIAN
27.08.2026 (KHAMIS)



APORAN RCI TABUNG HAJI

Bekas Pengerusi TH antara dua ditahan SPRM

Kedua-duanya akan dibawa ke Mahkamah Majistret hari ini untuk direman

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang ahli politik bergelar Datuk Seri yang juga bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia semalam, bagi membantu siasatan kes susulan pendedahan dan dapatan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji.

Yang turut ditahan untuk siasatan kes sama adalah bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan (MOF) bergelar Tan Sri.

SPRM dalam kenyataan yang dimuat naik menerusi akaun TikTok SPRM Malaysia malam tadi, memaklumkan yang kedua-dua lelaki berusia dalam lingkungan 60-an itu ditahan kira-kira jam 4 petang semalam, selepas mereka diarah hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Kedua-duanya dijangka dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya bagi proses permohonan tahanan reman hari ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua kenamaan terbabit bagi membantu siasatan sedang dijalankan suruhanjaya itu.

Pada Jumaat lalu, seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TH ditahan SPRM berkait siasatan kes sama, sebelum dikenakan tahanan reman selama tujuh hari sehingga hari ini oleh Majistret Putrajaya, Ezrene Zakariah, yang meluluskan permohonan SPRM.

Tujuh bantu siasatan

Sebelum itu, SPRM menahan tujuh individu bagi membantu siasatan berhubung RCI itu.

Mereka terdiri daripada seorang bekas ketua pegawai eksekutif syarikat perkapalan, selain seorang pengarah syarikat pembinaan, seorang bekas pengarah syarikat serta empat bekas pengurusan kanan TH.

Sebelum ini, laporan RCI TH yang didedahkan selepas empat tahun disiapkan, mengemukakan 25 syor utama bagi meningkatkan ketelusan, profesionalisme, dan tadbir urus institusi terbabit.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI terbabit ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.

Malah, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah supaya siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa berhubung laporan RCI TH itu dijalankan 'sehingga ke lubang cacing'.

HARIAN METRO

27.08.2026 (KHAMIS)



H/Metro
27/8/2026 - [illegible]

MOHD Nizam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen semalam atas lima pertuduhan memperdayakan lima kontraktor membabitkan wang berjumlah RM18,198 sejak 2023.

Jurutera awam UniSZA didakwa perdaya 5 kontraktor

Kuala Terengganu: Seorang jurutera awam yang bertugas di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam, atas lima pertuduhan memperdaya lima kontraktor membabitkan wang berjumlah RM18,198.

Tertuduh, Mohd Nizam Mohd, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azman Mustapha.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memperdayakan lima kontraktor antara tahun 2023 hingga 2024 dengan niat mendorong mereka menyerahkan sejumlah wang atas alasan akan digunakan bagi tujuan pembelian peralatan, bayaran perkhidmatan serta sumbangan bagi program atau kelab UniSZA.

Bagaimanapun, tertuduh didakwa mengetahui wang berkenaan bukan untuk tujuan yang dimaksudkan sebelum secara tidak jujur mendorong kelima-lima kontraktor itu memindahkan wang berjumlah keseluruhan RM18,198 ke dalam akaun bank milik isterinya.

Kesemua kontraktor itu didakwa tidak akan menyerahkan atau memindahkan wang berkenaan sekiranya tidak diperdayakan sedemikian.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak lebih 10 tahun dengan sebat serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan.

Mahkamah turut mengarahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah.

SINAR HARIAN

27.08.2026 (KHAMIS)

Bekas Pengerusi TH, bekas KSU Perbendaharaan ditahan

Mereka akan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya bagi permohonan reman hari ini

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

LAPORAN MUKA DEPAN

PUTRAJAYA - Bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji yang juga ahli politik dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan ditahan pada Rabu bagi membantu siasatan susulan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji (TH).

Memetik TikTok rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kedua-dua lelaki berusia lingkungan 60-an itu ditahan kira-kira jam 4 petang ketika hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Mereka dijangka dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya bagi permohonan reman esok (Khamis)," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TH berusia lingkungan 60-an direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes penyelewengan wang pelaburan dan saham daripada TH bernilai kira-kira RM190 juta, susulan pendedahan RCI berkenaan.

Perintah reman sehingga 27 Ogos ini dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat SPRM Putrajaya pada Jumaat.

Pada 14 Ogos pula, SPRM menahan tujuh individu termasuk seorang wanita terdiri daripada masing-masing seorang CEO, pengarah syarikat dan bekas pengarah syarikat serta empat bekas pengurusan kanan Lembaga TH bersabit isu RCI tersebut.

Suspek pertama yang ditahan merupakan seorang CEO sebuah syarikat perkapalan bergelar Datuk berusia lingkungan 60-an.

Dia disyaki mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu ketika membuat bayaran kepada TH melibatkan pemalsuan dokumen kontrak sebuah syarikat petroleum untuk kepentingan syarikat miliknya.



ABD HALIM

Suspek kedua dan ketiga yang masing-masing bergelar Datuk dan Datuk Seri berusia lingkungan 60-an pula ditahan kerana disyaki memperdayakan pegawai TH untuk membuat pelaburan ke sebuah syarikat pembinaan dengan menjanjikan potensi syarikat akan disenaraikan ke Bursa Malaysia.

Sementara empat bekas pengurusan kanan TH berusia lingkungan 50-an hingga 60-an termasuk seorang bergelar Datuk Seri dan seorang wanita ditahan kerana disyaki terlibat dengan amalan rasuah sehingga mendorong TH memasuki perjanjian pajakan empat buah hotel dengan sebuah syarikat di Arab Saudi berjumlah SR2.49 bilion yang telah menyebabkan kerugian kepada TH.

Bagaimanapun, hanya dua suspek lelaki iaitu CEO syarikat perkapalan dan pengarah syarikat pembinaan itu direman lima hari sehingga 19 Ogos, sementara lima lagi individu dilepaskan dengan jaminan SPRM kerana masalah kesihatan.

Laporan RCI mengenai TH yang didedahkan kepada umum pada 29 Julai lalu merekodkan pelbagai kelemahan berkaitan pengurusan dan tadbir urus institusi itu bagi tempoh 2014 hingga 2020 serta mengemukakan 25 syor penambahbaikan.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI terbabit ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah juga supaya siasatan berhubung laporan RCI TH dijalankan 'sehingga ke lubang cacing'.

SINAR HARIAN

27.08.2026 (KHAMIS)



Pengerusi agensi kerajaan terbabit dibebaskan dengan jaminan RM10,000 pada Rabu.

Pengerusi agensi kerajaan bebas dengan jaminan

GEORGE TOWN – Pengerusi sebuah agensi kerajaan bergelar Datuk dibebaskan dengan jaminan RM10,000 selepas selesai menjalani tempoh reman berhubung siasatan dakwaan salah guna kuasa membabitkan urusan tanah milik agensi kerajaan.

Lelaki berusia 53 tahun itu dibebaskan kira-kira jam 1 petang Rabu selepas melengkapkan tempoh lanjutan reman selama seminggu yang diberikan Mahkamah Majistret di sini.

Beliau dibebaskan dengan seorang penjamin selain memberikan jaminan secara lisan.

Peguam, Dr Shamsher Singh Thind berkata, anak guamnya memberikan kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang siasatan dijalankan.

"Anak guam saya memberikan kerjasama dan tidak menyembunyikan apa-apa maklumat," katanya ketika dihubungi.

Sebelum ini, SPRM menahan lima individu termasuk pengerusi agensi kerajaan berkenaan yang disyaki menyalahgunakan kedudukan ketika menjadi Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah untuk meluluskan penjualan tanah di Seberang Perai Selatan kepada sebuah syarikat yang dipercayai mempunyai kaitan dengan sekutunya.

SINAR HARIAN

27.08.2026 (KHAMIS)

Ismail Sabri didakwa hari ini

Peguam sahkan bekas Perdana Menteri itu makin sihat, akan hadir ke mahkamah

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR – Selepas menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), prosiding pendakwaan terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan diteruskan di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis.

Peguam, Datuk Amer Hamzah Arshad yang mewakili pemimpin UMNO berusia 66 tahun itu ketika dihubungi *Sinar Harian* mengesahkan anak guamnya ikini berada dalam keadaan baik.

"Ismail Sabri semakin sihat dan dibenarkan pulang selepas menerima rawatan di IJN baru-baru ini.

"Insya-ALLAH, beliau dijangka hadir ke mahkamah sebelum jam 9 pagi," katanya.

Berdasarkan semakan sistem mahkamah, pertuduhan terhadap Ahli Parlimen Bera itu akan dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dipercayai berkaitan pengisytiharan harta.

Sebelum ini, Ismail Sabri telah dipanggil beberapa kali bagi merakamkan percakapan berhubung pengisytiharan harta yang dibuatnya kepada SPRM.

Dalam siasatan berkenaan, SPRM turut merampas wang tunai berjumlah RM170 juta dalam pelbagai mata wang asing selain menyita 16 kilogram jongkong emas tulen yang dianggarkan bernilai RM7 juta.

Rampasan itu dilakukan ketika penggeledahan di kediaman dan pejabat yang dipercayai dijadikan 'rumah selamat', susulan siasatan terhadap empat pegawai kanan Ismail Sabri yang ditahan pada Februari 2025.

Pada 7 Ogos lalu, Ismail Sabri selamat menjalani prosedur pemasangan perentak jantung tanpa wayar bagi merawat masalah degupan jantung tidak normal di IJN.

Susulan rawatan berkenaan, prosiding pendakwaan yang sepatutnya berlangsung tiga minggu lalu ditangguhkan ke 27 Ogos.



Prosiding pendakwaan terhadap Ismail Sabri akan diteruskan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis.

BERITA HARIAN

27.08.2026 (KHAMIS)

SPRM buka kertas siasatan, semak dokumen diterima

Suruhanjaya tegaskan maklumat PERBAGI tidak bermaksud mana-mana pihak dikesan sudah lakukan kesalahan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membuka kertas siasatan berhubung dakwaan kepincangan yang berlaku dalam aktiviti penanaman semula yang dianggarkan mencapai nilai RM80 juta yang dilaksanakan di FELDA Palong 7 dalam Wilayah Raja Alias, Negeri Sembilan.

Ketika ini SPRM sedang meneliti beberapa maklumat yang diterima, termasuk dokumen tertentu yang sudah diserahkan pihak berkepentingan kepada SPRM kelmarin.

Perkembangan itu disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, yang berkata SPRM sudah membuka kertas siasatan dan menyemak maklumat-maklumat yang sudah diterima.

"Ya, saya sahkan (kertas siasatan dibuka program pembangunan dan tanam semula tanaman sawit di FELDA Palong 7," katanya kepada *BH*, di sini semalam.


SPRM siasat aduan

Keratan akhbar BH, semalam

Kelmarin, SPRM mengesahkan pihaknya menerima maklumat berhubung kebimbangan berkaitan kualiti anak benih sawit serta pelaksanaan program pembangunan dan tanam semula tanaman sawit di FELDA Palong 7, Wilayah Raja Alias.

Manfaat kepada 450 peneroka

Menurut SPRM, maklumat itu diterima daripada Pengerusi Pertubuhan Badan Bertindak Generasi Palong (PERBAGI), Mohd Syahrizal Md Yusuf.

SPRM berkata, maklumat itu membabitkan program pembangunan yang dilaporkan memberi manfaat kepada kira-kira 450 peneroka.

Maklumat itu antara lain berkaitan pembekalan, penghantaran, penyimpanan, umur dan pematuhan spesifikasi anak benih sawit yang dibekalkan.

Bagaimanapun, SPRM menegaskan penerimaan maklumat sedemikian tidak bermaksud mana-mana pihak dikesan sudah melakukan kesalahan.

Menurut PERBAGI, program berkenaan membabitkan pertukaran tanaman getah kepada sawit membabitkan 450 peneroka dan mempunyai kepentingan besar terhadap sumber pendapatan mereka untuk tempoh panjang.

Dakwanya, aduan berkenaan juga sudah dibuat kepada pihak ibu pejabat FELDA, FELDA Wilayah dan rancangan kira-kira lima hingga enam bulan lalu.

Jumaat lalu, Anwar dilaporkan menegaskan setiap kelemahan dan permasalahan yang berlaku dalam pengurusan FELDA sebelum ini perlu disusuli tindakan tegas bagi memastikan perkara sama tidak berulang.



> "Ya, saya sahkan (kertas siasatan dibuka program pembangunan dan tanam semula tanaman sawit di FELDA Palong 7"

Abd Halim Aman, Ketua Pesuruhjaya SPRM

BERITA HARIAN

27.08.2026 (KHAMIS)

'Periksa bukti secara bebas dan profesional'

Kuala Lumpur: Dakwaan terbaharu membabitkan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap FELDA perlu diberi perhatian serius, dengan maklumat dan bukti yang didedahkan diperiksa secara profesional, bebas dan menyeluruh.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, berkata FELDA bukan sebuah institusi biasa, kerana ia membabitkan kepentingan ratusan ribu peneroka, keluarga dan generasi mereka serta sejumlah besar dana dan aset awam.

Beliau berkata, MCW berpandangan perkembangan terbaharu ini mengukuhkan lagi keperluan supaya cadangan audit forensik menyeluruh terhadap FELDA diteruskan.

"Audit berkenaan tidak seharusnya hanya melihat angka kerugian, tetapi perlu meneliti proses perolehan, kontrak, pemilihan vendor, konflik kepentingan, pematuhan spesifikasi, tadbir urus anak syarikat serta rantaian keputusan yang menyebabkan sesuatu projek diluluskan.

"Sekiranya wujud unsur rasuah, salah guna kuasa, tuntutan palsu atau pecah amanah, tindakan undang-undang mesti diambil tanpa mengira kedudukan individu terbabit.

"Tetapi jika sesuatu dakwaan tidak mempunyai asas, perkara itu juga perlu dijelaskan bagi melindungi reputasi individu dan institusi," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Kelmarin, SPRM mengesahkan sudah menerima maklumat berhubung kebimbangan berkaitan kualiti anak benih sawit serta pelaksanaan program pembangunan dan tanam semula tanaman sawit di FELDA Palong 7, Wilayah Raja Alias.

Menurut SPRM, maklumat itu diterima daripada Pengerusi Pertubuhan Badan Bertindak Generasi Palong (PERBAGI), Mohd Syahrizal Md Yusuf.

Ia dilihat sebagai laporan pertama selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menuntut setiap kelemahan dan permasalahan yang berlaku dalam pengurusan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditangani sepenuhnya.



Jais Abdul Karim

Mengulas lanjut, Jais berharap Pasukan Petugas Khas, audit forensik dan siasatan SPRM tidak bergerak secara terpisah, sebaliknya dapatan yang mempunyai unsur jenayah perlu diserahkan terus kepada agensi penguatkuasaan.

"MCW berpandangan dalam isu FELDA ini, matlamat akhirnya bukan sekadar mencari siapa yang bersalah, tetapi memastikan bagaimana kelemahan sistem boleh berlaku, siapa yang gagal mengawalnya dan bagaimana ia tidak akan berulang," katanya.

SINAR HARIAN

28.08.2026 (JUMAAT)

Dua Datuk direman tiga hari lagi

SPRM siasat penjualan lapan lot tanah yang didakwa menyebabkan kerugian RM1.96 juta

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGE TOWN - Dua daripada lima individu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Jumaat lalu berhubung kes salah guna kuasa dalam urusan pelupusan tanah milik sebuah agensi kerajaan di Pulau Pinang disambung reman selama tiga hari lagi.

Kedua-dua individu bergelar Datuk itu masing-masing merupakan pengerusi sebuah agensi kerajaan dan pengarah syarikat.

Perintah reman terhadap kedua-dua lelaki berusia lingkungan 40 hingga 50-an itu dikeluarkan Majistret Nurhanisah S H Sahul Hamid di Mahkamah Majistret di sini pada Isnin.

Sambungan reman itu bagi memboleh-kan SPRM menjalankan siasatan berhubung penjualan lapan lot tanah di Seberang Perai Selatan pada 2015.

Sementara itu, tiga individu lain yang turut ditahan sebelum ini dibebaskan.

Seorang peguam yang mewakili pengerusi agensi kerajaan berkenaan, Dr Shamsher Singh Thind berkata, SPRM memohon reman disambung selama empat hari, namun mahkamah hanya membenarkan tiga hari.



Kedua-dua individu bergelar Datuk dibawa ke Mahkamah George Town pada Isnin untuk perintah sambung reman selama tiga hari lagi.

"Reman bermula Isnin hingga Rabu," katanya ketika ditemui di pekarangan mahkamah.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, SPRM menahan lima individu termasuk pengerusi agensi kerajaan berkenaan yang disyaki menyalahgunakan kedudukan ketika menjadi Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah.

Dia disyaki meluluskan penjualan tanah kepada sebuah syarikat yang dipercayai mempunyai kaitan dengan sekutunya.

Urus niaga itu dipercayai dilakukan pada harga lebih rendah daripada nilai pasaran sehingga menyebabkan kerugian kira-kira RM1.96 juta.

Empat lagi yang ditahan terdiri daripada dua pengarah syarikat, pengurus teknikal dan kerani wanita.

Kesemua mereka ditahan secara berperingkat di pejabat SPRM Pulau Pinang.

BERITA HARIAN

28.08.2026 (JUMAAT)

Ismail Sabri didakwa tak isytihar harta RM14 juta

Bekas Perdana Menteri tidak mengaku salah, minta dibicara

Oleh Ahmad Jabari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas dakwaan tidak mengisytiharkan harta membabitkan wang berjumlah RM14 juta dan pelbagai mata wang asing lain, lima rengkong emas seberat lima kilogram, seleper perak dan syiling emas.

Mata wang asing membabitkan SG$6.1 juta, A$81.46 juta, CHF3 juta, 12.16 juta Euro, $363 juta, $50,250, NZD14,600, Dirham Emiriah Arab Bersatu AED3.7 juta dan AUD352,850.

Ismail Sabri memakai kemeja putih dan kot hitam, tenang sepanjang prosiding dan hanya menjawab 'tidak mengaku salah' selepas tuduhan dibacakan juru bahasa mahkamah di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Faham. Tidak mengaku salah dan minta dibicarakan," katanya.

Ahli Parlimen Bera itu didakwa memberikan satu pernyataan bertulis tidak memuhi terma Notis di bawah Seksyen 36(1)(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 bertarikh 7 Januari 2025.

Notis berkenaan dihantar kepada beliau oleh seorang pegawai SPRM berpangkat Pesuruhjaya dan lebih tinggi pada 10 Januari 2025, iaitu dengan tidak mengisytiharkan harta seperti dinyatakan di dalam Lampiran A.

Beliau didakwa dan boleh dihukum mengikut Seksyen 36(2) Akta SPRM, iaitu pegera tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak melebihi RM 100,000.

Suzana membenarkan Ismail Sabri dikat jamin berjumlah RM300,000 oleh penjamin terdiri daripada ahli keluarga, bagaimanapun tidak membenarkan permohonan pendakwaan supaya pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Selepas meneliti hujahan kedua belah pihak, Suzana berkata, mahkamah menafsiri tiada sebarang bukti menunjukkan Ismail Sabri berisiko untuk melarikan diri.

Pada prosiding semalam, Ismail Sabri diwakili peguam Datuk Amer Hamzah Arshad, Rajandh Besavan dan Datuk Seri Rinn Sevaratnam manakala pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Farah Ezlin Yusop Khan.



Ismail Sabri hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Rahul Anuar Rahimin)

Kesalahan tak boleh dijamin

Terdahulu, Farah Ezlin menghujahkan Ismail Sabri didakwa di bawah suatu kesalahan yang tidak boleh dijamin di bawah Seksyen 388(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

Bagaimanapun, Farah Ezlin berkata perkara membabitkan jaminan adalah budi bicara mahkamah, dan ia boleh memberikannya jika terdapat alasan untuk berbuat demikian.

"Jadi, di sini kami mencadangkan, Yang Arif, oleh kerana kesalahan ini membabitkan seorang tokoh berprofil tinggi, pendakwaan menawarkan jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia, dan syarat tambahan, iaitu pasport diserahkan kepada Mahkamah.

"Saya percaya peguam beliau sebentar lagi akan berhujah jaminan hanyalah untuk memastikan kehadiran orang kena tuduh di hadapan Mahkamah, Yang Arif.

"Kami bersetuju, Yang Arif tetapi sekali lagi seperti yang saya katakan dengan mengambil kira jumlah wang terlibat dalam pertuduhan ini adalah besar, menunjukkan Datuk Seri mempunyai kemampuan kewangan lebih daripada mencukupi untuk menyediakan jumlah jaminan itu.

"Oleh kerana, beliau bekas perdana menteri dan mempunyai jaringan hubungan luas di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian kami perlu memastikan beliau hadir bagi memastikan prosiding berjalan dengan lancar.

"Sekiranya pasport Datuk Seri tidak diserahkan kepada mahkamah, maka sukar bagi pihak kami untuk menjejaki keberadaan beliau dan memastikan beliau hadir ke prosiding mahkamah apabila diperlukan.

"Jadi, jumlah jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin serta syarat pasport diserahkan dan ditahan oleh mahkamah lebih daripada munasabah, Yang Arif, itu sahaja," katanya.

Amer Hamzah membalas hujahan pendakwaan, dengan menyatakan apa yang gagal disentuh dan ditekankan oleh pendakwaan ialah Seksyen 388 KTJ berhubung jumlah jaminan mestilah tidak bersifat menghukum dan tidak boleh berlebihan.

Katanya, sebelum pertuduhan dikemukakan di mahkamah, terdapat permohonan dibuat pendakwaan mengikut Seksyen 41 Akta SPRM (berhubung prosiding melucut hak harta milik Ismail Sabri) di hadapan hakim sama.

"Pada pandangan saya, kedaan itu amat pelik kerana mengikut Seksyen 41, bagi membolehkan pendakwaan menggunakan dan melaksanakan kuasa, antara perkara utama perlu diambil kira ialah mereka perlu meneliti kertas siasatan dan menentukan sama ada pendakwaan berdasi dijalankan ataupun sebaliknya," katanya.

Ismail Sabri kemudiannya meninggalkan kompleks mahkamah jam 11.45 pagi dan menyantuni penyokong setianya, selepas anaknya membayar ikat jamin RM300,000 dikenakan.

Beliau turut ditemani isteri nya, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin dan bekas Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin.



Kronologi Kes Ismail Sabri

11 Disember 2024
•Diarah SPRM isytihar harta di bawah Seksyen 36(1) Akta SPRM 2009.

7 Januari 2025
•Notis mengikut Seksyen 36(1)(a) Akta SPRM 2009 dikeluarkan SPRM, ismail Sabri isytihar harta 10 Februari 2025.

19 Februari 2025
•Kali pertama hadir ke SPRM, disoal siasat ke atas 4 pegawai beliau pada 21 Februari 2025. Beberapa lokasi digeledah, SPRM dilapor rampas kira-kira RM170 juta pelbagai mata wang asing, sita 16kg rengkong emas dianggar setara RM7 juta.

2 Mac 2025
•SPRM sah Ismail Sabri suspek disiasat berkait rasuah, ubah wang haram. Pulohan individu termasuk pegawai bekas dipanggil keterangan pada 11 Mac 2025.

13 Mac 2025
•Hadir beri keterangan kepada SPRM kira-kira lima jam, sambung keterangan esoknya.

17 Mac 2025
•SPRM buka beberapa fail siasatan berkaitan beliau hadir lagi beri keterangan pada 20 dan 24 Mac 2025.

24 April 2025
•Dipanggil semula berkait pengisytiharan harta.

25 Jun 2025
•SPRM umum siasatan selesai.

7 Julai 2025
•SPRM secara rasmi fail permohonan kepada Kerajaan Malaysia untuk lucut hak wang tunai lebih RM69 juta.

1 Oktober 2025
•Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur perintah wang lebih RM69 juta dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

6 Ogos 2026
•Dijadual didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 7 Ogos 2026, namun alami masalah kesihatan, dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN).

27 Ogos 2026
•Dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bawah Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009.

Saravanan didakwa kes rasuah hari ini

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan yang juga Timbalan Presiden MIC mengesahkan beliau akan didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini.

Ahli Parlimen Tapah itu mendakwa pertuduhan yang bakal dihadapinya berpunca daripada kenyataan pihak ketiga yang mengaitkannya dengan isu pengambilan pekerja asing ketika pandemik COVID-19 pada 2022.

Saravanan mendakwa kenyataan awal yang mengaitkan namanya dibuat oleh seorang individu yang meninggal dunia dua bulan lalu, sebelum individu terbabit kemudian membuat Akuan Bersumpah (SD) untuk menarik balik dakwaan berkenaan.

"Saya tegaskan saya tidak pernah menghubungi atau mengenali individu itu sama ada melalui telefon atau khidmat pesanan ringkas.

Walaupun saksi utama sudah meninggal dunia, saya tetap bersedia untuk mempertahankan diri dan menghadapi pertuduhan ini mengikut undang-undang," katanya dalam video dikongsikan kepada media, semalam.

Saravanan berkata, pasukan peguamnya hari ini akan memohon kepada mahkamah supaya perbicaraan kes itu dipercepatkan tanpa sebarang penangguhan.

Semalam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengeluarkan jemputan kepada media berhubung pendakwaan terhadap seorang bekas menteri di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini. Bekas menteri berkenaan dijangka berdepan pertuduhan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 berkaitan perbuatan meminta, menerima, memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan. BERNAMA

SINAR HARIAN

28.08.2026 (JUMAAT)

Amat 'pelik' dakwa Ismail Sabri tidak isytihar harta - Peguam

KUALA LUMPUR - Peguam kepada Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan pertuduhan tidak mengisytiharkan harta, termasuk wang tunai RM14.7 juta, jutaan mata wang asing serta lima jongkong emas yang dihadapi bekas Perdana Menteri itu sebagai pelik dan janggal.

Mata wang asing terbabit terdiri daripada SG$6.1 juta, AS$1.46 juta, CHF3 juta, €12.16 juta, ¥363 juta, £50,250, NZ$44,600, AE$34.7 juta dan AU$352,850.

Semasa prosiding, peguam, Datuk Amer Hamzah Arshad berkata, pihak pendakwaan sebelum ini telah membuat permohonan pelucuthakan harta di bawah Seksyen 41 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Seksyen berkenaan memperuntukkan kuasa berkaitan pelucuthakan harta yang disita apabila tiada pendakwaan jenayah dilakukan.

"Ada perisytiharan oleh pihak pendakwaan sebelum ini yang mengesahkan bahawa, selepas kertas siasatan diteliti, tiada pendakwaan akan dijalankan ke atas Ismail Sabri.

"Bagaimanapun, sekarang atas sebab yang sangat pelik, kami dimaklumkan pendakwaan diteruskan walaupun kuasa di bawah Seksyen 41 Akta SPRM telah digunakan.



AMER HAMZAH

"Ini mewujudkan keadaan yang amat pelik dan unik," katanya yang hadir bersama peguam, Datuk Seri Rajan Navaratnam, Ragunath Kesavan, Joshua Tay, Tan Xu Yin, Jason Anthony dan Ashwath Ramakrishnan.

Susulan itu, beliau berkata, pihak pembelaan akan meneliti pertuduhan berkenaan dan berhak mencabar kewajaran serta kesahihannya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai perasaan anak guamnya selepas berdepan pertuduhan tersebut, Amer Hamzah berkata: "Tidak ada siapa yang akan berasa gembira apabila berdepan pertuduhan di mahkamah, lebih-lebih lagi jika menganggap dakwaan terhadapnya tidak berasas dan kukuh."

Ketika diminta mengulas lanjut tentang perkara yang dianggap 'pelik' berhubung pendakwaan terhadap Ahli Parlimen Bera itu, Amer Hamzah berkata, pihaknya tidak boleh mendedahkan lebih lanjut mengenai perkara berkenaan buat masa ini kerana masih dalam proses penelitian.

"Apa yang boleh kami katakan adalah kami mendapati keadaan di sebalik keseluruhan pendakwaan ini agak 'pelik'. Kami mahu menelitinya dengan lebih lanjut," katanya.

Dalam pada itu, Amer Hamzah turut memaklumkan, keadaan kesihatan Ismail Sabri semakin pulih dan beliau dijadualkan menjalani rawatan susulan di Institut Jantung Negara (IJN).

Malah beliau turut melahirkan rasa lega kerana tiada kejadian tidak diingini berlaku terhadap bekas Perdana Menteri itu pada Khamis.

"Alhamdulillah, beliau semakin pulih. Beliau dijadualkan menjalani rawatan susulan seterusnya di IJN.

"Jadi, untuk hari ini, saya berasa gembira kerana tiada kejadian yang tidak diingini berlaku terhadap beliau. Marilah kita terus berdoa agar beliau diberikan kesihatan yang baik," ujarnya.

SINAR HARIAN

28.08.2026 (JUMAAT)

Ismail Sabri mengaku tidak bersalah

Terhadap pertuduhan tidak isytihar RM14.7 juta, jutaan mata wang asing, 5 jongkong emas

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

LAPORAN MUKA DEPAN



Ismail Sabri melambai kepada pemberita ketika hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis.

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas satu pertuduhan tidak mengisytiharkan harta iaitu wang tunai RM14.7 juta, jutaan mata wang asing serta lima jongkong emas, tahun lepas.

Pemimpin UMNO berusia 66 tahun itu membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Suzana Hussin.

"Saya faham, mengaku tidak bersalah, mohon dibicarakan," katanya yang memakai kot berwarna hitam ketika berdiri dalam kandang tertuduh.

Ismail Sabri kelihatan tenang sambil disaksikan isteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin, tiga anak mereka termasuk penyanyi Dafi bersama penyokong-penyokongnya.

Mengikut pertuduhan, Ismail Sabri didakwa sengaja memberikan pernyataan bertulis yang tidak mematuhi terma notis di bawah Seksyen 36(1)(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 bertarikh 7 Januari 2025.

Notis berkenaan telah dihantar kepadanya oleh seorang pegawai SPRM pada 10 Januari 2025, iaitu dengan tidak mengisytiharkan harta di Ibu Pejabat SPRM, Presint 7, Putrajaya pada 7 Februari 2025.

Harta itu melibatkan wang tunai RM14,772,150, SG$6.1 juta, AS$1.46 juta, CHF3 juta, €12.16 juta, ¥363 juta, £50,250, NZ$44,600, Dirham Emiriah Arab Bersatu AED34.7 juta dan AU$352,850.

Ia termasuk lima jongkong emas Petak Suisse Fine Gold seberat satu kilogram setiap satu, selain satu jongkong perak Petak Suisse Fine Silver seberat 100 gram dan satu syiling emas 999 Fine Gold (lima gram).

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 36(2) Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan denda maksimum RM100,000.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Farah Ezlin Yusop Khan, Ifa Sirrhu Samsudin dan Nurul Qistini Qamarul Abrar.

Ismail Sabri pula diwakili peguam, Datuk Amer Hamzah Arshad, Datuk Seri Rajan Navaratnam, Ragunath Kesavan, Joshua Tay, Tan Xu Yin, Jason Anthony dan Ashwath Ramakrishnan.

Semasa prosiding, Farah Ezlin mencadangkan jaminan ditetapkan pada RM500,000 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia, termasuk syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Selepas mendengar permohonan daripada daripada pihak pendakwaan dan pembelaan, Suzana membenarkan Ismail Sabri diikat jamin sebanyak RM300,000 dengan seorang penjamin terdiri daripada ahli keluarga.

Bagaimanapun beliau tidak membenarkan permohonan pendakwaan supaya pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

"Selepas meneliti hujahan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati tiada bukti diberi kepada mahkamah, yang menunjukkan tertuduh berisiko untuk melarikan diri," katanya sebelum menetapkan sebutan semula kes pada 29 September depan.

Sebelum ini, Ismail Sabri telah dipanggil beberapa kali bagi merakamkan percakapan berhubung pengisytiharan harta yang dibuat kepada SPRM.

Dalam siasatan berkenaan, SPRM turut merampas wang tunai berjumlah RM170 juta dalam pelbagai mata wang asing selain menyita 16 kilogram jongkong emas tulen yang dianggarkan bernilai RM7 juta.

Rampasan itu dilakukan ketika penggeledahan di kediaman dan pejabat yang dipercayai dijadikan 'rumah selamat', susulan siasatan terhadap empat pegawai kanan Ismail Sabri yang ditahan pada Februari 2025.

Pada Julai 2025, SPRM memohon kepada Mahkamah Sesyen di sini untuk melucutkan hak hampir RM170 juta yang dirampas ketika siasatan.

Pada 1 Oktober 2025, Mahkamah Sesyen mengarahkan wang itu dilucutkan hak kepada kerajaan selepas tiada pihak ketiga tampil menuntut dana berkenaan dan tiada bantahan difailkan terhadap permohonan pelucuthakan tersebut.

SINAR HARIAN

28.08.2026 (JUMAAT)

Bekas Pengerusi TH, bekas KSP direman

FOTO: BERNAMA



RCI TABUNG HAJI

Dua individu berprofil tinggi dalam kes TH tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Khamis bagi prosiding reman berkaitan Laporan RCI mengenai institusi berkenaan. Turut kelihatan, seorang bekas CEO TH yang sebelum ini direman.

Tempoh reman bekas CEO TH turut dilanjutkan selama empat hari berakhir Isnin depan

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA - Bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) yang ditahan pada Rabu tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya bagi prosedur permohonan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mereka yang bergari dan memakai baju jingga tiba jam 9.30 pagi Khamis diiringi pegawai penyiasat SPRM bagi permohonan reman di hadapan Majistret.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan kedua-dua tokoh berusia 60-an itu ditahan jam 4 petang, Rabu ketika hadir ke Ibu Pejabat SPRM.

Penahanan itu dibuat bagi membantu siasatan susulan isu dibangkitkan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH.

Sebelum ini bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TH direman tujuh hari sehingga 27 Ogos untuk membantu siasatan berkaitan pendedahan RCI mengenai TH.

Bagaimanapun tempoh reman bekas CEO TH berusia 60-an itu dilanjutkan selama empat hari berakhir Isnin depan.

Pada 14 Ogos lalu, tujuh individu termasuk seorang wanita yang terdiri daripada seorang CEO, pengarah syarikat, bekas pengarah syarikat serta empat bekas pengurusan kanan TH ditahan SPRM bagi membantu siasatan berkaitan isu sama.

SPRM telah menahan dan memanggil tujuh individu bagi membantu siasatan berhubung RCI itu.

Dalam laporan RCI yang didedahkan pada 29 Julai lalu, sebanyak 25 syor utama dikemukakan bagi meningkatkan ketelusan, profesionalisme dan tadbir urus institusi terbabit.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI adalah ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.

Malah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim turut bertitah supaya siasatan berhubung laporan RCI TH dijalankan sehingga ke lubang cacing.

BERITA HARIAN

28.08.2026 (JUMAAT)

LAPORAN RCI TABUNG HAJI

Bekas Pengerusi TH, bekas KSU Perbendaharaan direman 7 hari

Reman bekas Ketua Pegawai Eksekutif TH pula disambung empat hari lagi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seorang ahli politik yang juga bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) bersama bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan (MoF) direman tujuh hari berkaitan laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH.

Perintah reman sehingga 2 September itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Peguam mewakili individu terbabit memaklumkan kedua-duanya disiasat mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, kedua-dua individu bergelar Datuk Seri dan Tan Sri berusia 60-an yang memakai pakaian lokap jingga dan bergari itu, tiba pada jam 9.30 pagi diiringi pegawai SPRM.



Bekas Pengerusi TH dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan serta bekas CEO TH (gambar kanan) dibawa ke Mahkamah Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BH kelmarin melaporkan, seorang ahli politik bergelar Datuk Seri yang juga bekas Pengerusi TH ditahan SPRM bagi membantu siasatan kes susulan pendedahan dan dapatan Laporan RCI berkaitan agensi berkenaan.

Yang turut ditahan untuk siasatan kes sama adalah bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan di MoF bergelar Tan Sri.

Reman sehingga 31 Ogos

Sementara itu, tempoh reman bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Tabung Haji (TH) disambung empat hari lagi berkaitan laporan RCI TH.

Perintah reman sehingga 31 Ogos ini dikeluarkan Ezrene Zakariah semalam, selepas menerima permohonan SPRM.

Terdahulu, individu berusia 60-an yang memakai pakaian lokap warna jingga dan bergari itu, tiba pada jam 9.30 pagi diiringi pegawai SPRM.

Sebelum ini, bekas CEO berkenaan direman tujuh hari sehingga semalam.

Laporan RCI TH yang didedahkan selepas empat tahun disiapkan, mengemukakan 25 syor utama bagi meningkatkan ketelusan, profesionalisme, dan tadbir urus institusi terbabit.

Antara syor utama yang terkandung dalam laporan RCI terbabit ialah melarang ahli politik aktif daripada menduduki Lembaga Pengarah TH bagi mengelakkan campur tangan politik.

Malah, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah supaya siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa berhubung laporan RCI TH itu dijalankan 'sehingga ke lubang cacing'.

SINAR HARIAN

29.08.2026 (SABTU)

Anwar serah surat Saravanan kepada SPRM, AGC

SEBERANG JAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk meneliti surat yang diutuskan Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan berhubung dakwaan mengaitkannya dengan isu pengambilan pekerja asing.

Anwar berkata, beliau akan merujuk kandungan surat berkenaan kepada pihak berkaitan bagi memastikan siasatan dan proses pendakwaan berjalan mengikut bidang kuasa masing-masing.

"Daripada sampai ke situ, bukan urusan saya. Saya akan rujuk kepada SPRM atau Jabatan Peguam Negara untuk mereka teliti," katanya ketika ditemui di pekarangan Masjid Sembilang di sini pada Jumaat.

Dalam pada itu, Anwar turut menegaskan semua pihak perlu memberi ruang kepada proses siasatan dan pendakwaan diteruskan tanpa membuat sebarang kesimpulan sebelum perkara berkenaan diputuskan mahkamah.

"Kita harus beri ruang untuk keadaan siasatan diteruskan, pendakwaan dan proses serta tidak membuat apa-apa kenyataan kerana belum pasti sehingga diputuskan mahkamah," katanya.

SINAR HARIAN

29.08.2026 (SABTU)

Saravanan didakwa rasuah RM1.097 juta

Mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KUALA LUMPUR - Bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM1.097 juta bagi kelulusan kuota pekerja asing empat tahun lalu.

Datuk Seri M Saravanan, 58, yang memakai kot berwarna hitam membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Azura Alwi.

"Saya faham, mengaku tidak bersalah," kata Timbalan Presiden MIC itu dengan tenang ketika berdiri di dalam kandang tertuduh.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan, Ahli Parlimen Tapah itu didakwa menerima suapan masing-masing RM150,000, RM350,000 dan RM597,000 daripada Pengarah Vectica Resources Sdn Bhd Tan Teck Lim, 65, melalui Allahyarham Syed Amirul Syed Ahmad, 38.

Daripada jumlah itu, RM597,000 diterima melalui sekeping cek yang didepositkan ke dalam akaun bank milik Big Seven Ventures Sdn Bhd.

Suapan itu didakwa sebagai dorongan dan upah kepada tertuduh selaku pegawai badan awam iaitu Menteri Sumber Manusia untuk memberikan kelulusan permohonan 1,000 kuota pekerja asing bagi syarikat TYKB Engineering Sdn Bhd.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah kelab golf di Bukit Jalil, Jalan Telawi 3, Bangsar dan sebuah bank di Cawangan Jalan Klang Lama, Taman Desa pada 16 Jun dan 7 Julai 2022.

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUNOR



Saravanan tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pada Jumaat dengan disambut penyokongnya.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ahmad Akram Gharib, Julaila Jamaludin dan P Rubini manakala Saravanan diwakili peguam, Datuk Geethan Ram Vincent, Lavinia Raja dan Jeremiah Anand.

> "Ia termasuk syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sekali setiap tiga bulan dan tidak mengganggu saksi secara langsung atau tidak langsung."
> - Azura

Selepas mendengar permohonan semua pihak, Azura membenarkan Saravanan yang juga Pengerusi Yayasan Seniman India dilikat jamin RM450,000 dengan seorang penjamin warga tempatan.

"Ia termasuk syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sekali setiap tiga bulan dan tidak mengganggu saksi secara langsung atau tidak langsung," katanya.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 29 September depan.

Turut hadir mengikuti prosiding berkenaan ialah Presiden MIC, Tan Sri SA Vigneswaran dan isteri Saravanan, Datin Seri Kavitha Vivekanandan.

HARIAN METRO

29.08.2026 (SABTU)



SARAVANAN (tengah) diiringi pegawai SPRM di mahkamah, semalam.

SARAVANAN TERKEJUT DIKENAKAN TIGA PERTUDUHAN RASUAH

'APABILA FAKTA KELUAR, RAKYAT AKAN TAHU'

Oleh Muhamad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan terkejut dengan tiga pertuduhan yang dikenakan terhadapnya namun nekad membersihkan nama baik melalui perbicaraan di mahkamah.

Ahli Parlimen Tapah itu berkata, beliau tidak berasa malu dengan pertuduhan berkenaan kerana yakin fakta sebenar akan didedahkan ketika prosiding mahkamah berlangsung.

"Saya langsung tidak rasa malu dengan tuduhan ini sebab apabila fakta keluar nanti, rakyat akan tahu macam mana anda tuduh saya dengan makhumat palsu.

"Sabar saja, tidak lama lagi fakta akan keluar. Hari ini saya tidak boleh sebut fakta. Apabila kes ini dibicarakan di mahkamah, fakta akan keluar," katanya pada sidang media di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di sini, semalam.

Terdahulu, Timbalan Presiden MIC itu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tiga pertuduhan menerima suapan RM1.097 juta, empat tahun lalu.

Bagi ketiga-tiga pertuduhan, beliau didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Dalam pada itu, Saravanan berharap supaya kes berkenaan tidak dilengah-lengahkan dan meminta proses perbicaraan dipercepatkan.

"Saya cuma merayu kepada mahkamah melalui peguam saya, jangan buat kes ini macam kes-kes lain, main tarik tarik, tarik. Saksi pun tidak ramai, sedikit saja.

"Saya bersedia untuk menghadapi mahkamah dan saya sanggup bekerjasama.

"Yang penting, saya mahu membersihkan nama saya melalui proses perbicaraan yang adil," katanya.

Mengulas mengenai surat yang pernah dihantarnya kepada Perdana Menteri, Saravanan mendakwa, beliau sudah membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri sejak enam bulan lalu.

"Saya bukan minta Perdana Menteri kawal SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), saya minta beliau membantu meneliti kes ini kerana saya memang tidak terbabit.

"Sekarang rayuan kedua saya, cepatkan kes ini dan jalankan dalam masa terdekat. Ini membabitkan seorang wakil rakyat dan Timbalan Presiden MIC. Saya ada tanggungjawab terhadap ahli-ahli parti saya," katanya.

HARIAN METRO

29.08.2026 (SABTU)

Wujud SD membuktikan Saravanan dianiaya: Peguam

Kuala Lumpur: Peguam kepada bekas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan mendakwa, wujud akuan bersumpah (SD) yang membuktikan Ahli Parlimen Tapah itu dianiaya hingga dikenakan pertuduhan terima suapan RM1.097 juta.

Datuk Geethan Ram Vincent yang mewakili Saravanan berkata, SD daripada Allahyarham Syed Amirul Syed Ahmad, iaitu saksi seorang penama dalam pertuduhan menyatakan, dia dipaksa mengaitkan Saravanan dengan kes itu.

Justeru, katanya, pihak pendakwaan akan mencabar pendakwaan berasaskan bukti dan fakta untuk membersihkan nama Ahli Parlimen Tapah itu.

"Pembelaan menerima dua SD berkenaan oleh Syed Amirul serta dokumen itu sudah diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Jika diteliti SD ini, penama Syed Amirul yang menjadi saksi utama SPRM menyatakan bahawa beliau dipaksa untuk mengaitkan anak guam saya.

"Syed Amirul berkata sebenarnya (siasatan kes) tiada kaitan dengan Datuk Seri, tetapi terpaksa mengaitkan Datuk Seri. Itu berdasarkan SD itu," katanya pada sidang media di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di sini, semalam.

Geethan mendakwa, Syed Amirul juga menyatakan dalam SD berkenaan bahawa dia tidak pernah berhubung dengan Saravanan.

Syed Amirul dilaporkan meninggal dunia pada 28 Julai lalu.

Dalam pada itu, Saravanan meninggalkan mahkamah selepas selesai membayar wang jaminan RM450,000 yang ditetapkan Hakim Azura Alwi.

Suasana di lobi mahkamah bertukar gamat apabila puluhan penyokong Timbalan Presiden MIC itu melaungkan 'Hidup Datuk Seri' sebelum keadaan kembali terkawal dengan bantuan pihak polis bantuan.

BERITA HARIAN

29.08.2026 (SABTU)

SPRM semak 5 dokumen berkait isu tanam semula sawit FELDA

Surat aduan rasmi, beberapa bukti bergambar jadi antara siasatan penting

Oleh Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyemak sekurang-kurangnya lima dokumen diserahkan Pertubuhan Badan Bertindak Generasi Palong (PERBAGI).

Semua dokumen dalam siasatan berkenaan adalah berkaitan dakwaan kepincangan aktiviti penanaman semula dianggar bernilai sehingga RM80 juta di FELDA Palong 7, Wilayah Raja Alias, Jempol, Negeri Sembilan.

BH difahamkan, antara dokumen itu membabitkan surat aduan rasmi berhubung masalah berkenaan dan beberapa butiran berkaitan perjanjian dimeterai dalam proses pembekalan anak benih berkenaan.

Selain itu, beberapa bukti bergambar seperti ketinggian anak benih yang diberi kepada pegawai penyiasat turut menjadi antara siasatan penting yang dikendalikan dalam kes berkenaan.

Sumber berkata, SPRM sudah membuka siasatan dan penelitian selanjutnya dilakukan berdasarkan maklumat dan bukti yang diserahkan kepada badan anti-rasuah itu.



Keratan akhbar BH Rabu lalu

"Siasatan kes terbaharu ini berkemungkinan aspek pembekalan anak benih, termasuk pematuhan terhadap spesifikasi dan syarat yang ditetapkan," katanya kepada *BH*, di sini.

BH kelmarin melaporkan, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, mengesahkan pihaknya membuka kertas siasatan dan menyemak maklumat diterima.

Ia susulan apabila SPRM mengesahkan menerima maklumat berhubung kebimbangan berkaitan kualiti anak benih sawit serta pelaksanaan program pembangunan dan tanam semula tanaman sawit di FELDA Palong 7, Wilayah Raja Alias.

MPOB diarah teliti isu

Sementara itu, *BH* turut dimaklumkan, isu penanaman semula sawit di FELDA Palong 7 turut mendapat perhatian kerajaan apabila Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) diarah meneliti isu itu.

Isu kepincangan penanaman semula di kawasan itu dikatakan bermula apabila bekalan anak benih sawit yang diedar kepada penanam FELDA didakwa tidak mencapai spesifikasi ditetapkan, sekali gus akan menjejaskan sumber pendapatan peserta pada tempoh yang panjang.

Ia dilihat sebagai laporan pertama selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menuntut setiap kelemahan dan permasalahan yang berlaku dalam pengurusan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditangani sepenuhnya.

Minggu lalu, Anwar dilapor menegaskan, setiap kelemahan dan permasalahan berlaku dalam pengurusan FELDA sebelum ini perlu disusuli tindakan tegas bagi memastikan perkara sama tidak berulang.

Perdana Menteri dipetik berkata, setiap penemuan dan kelemahan yang dikenal pasti perlu diperbaiki serta diikuti tindakan sewajarnya bagi memperkukuhkan tatakelola dan pengurusan FELDA.

HARIAN METRO

31.08.2026 (ISNIN)

KEMERDEKAAN SEBENAR

Bebas rasuah & pecah amanah

Bersama
Prof Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim



I

Negara yang benar-benar kuat ialah negara yang mempunyai rakyat dan pemimpin berintegiti, amanah, institusi yang dipercayai serta sistem yang menegakkan keadilan

setiap kali bulan kemerdekaan tiba, kita akan mengibarkan Jalur Gemilang, menyanyikan lagu patriotik dan mengenang jasa para pejuang yang mengorbankan jiwa raga demi membebaskan tanah air daripada penjajahan. Semua itu lambang kecintaan kepada negara yang amat wajar dipertahankan. Namun, setelah lebih enam dekad negara merdeka, satu persoalan besar perlu kita renungkan apakah maksa kemerdekaan jika kita masih dijajah oleh rasuah, ketamakan, penipuan dan pengkhianatan amanah oleh pemimpin yang kita sendiri pilih? Ini kemerdekaan yang sebenar bukan sekadar bebas daripada penjajahan kuasa asing. Kemerdekaan juga bermaksud membebaskan manusia daripada menjadi hamba kepada hawa nafsu, wang, pangkat dan kepentingan diri.

Sebuah negara merdeka boleh mempunyai bendera sendiri, kerajaan sendiri, undang-undang sendiri dan sempadan yang berdaulat, tetapi kemerdekaannya akan terhakis apabila rasuah menjadi budaya, amanah diperdagang dan kuasa digunakan untuk kepentingan peribadi serta sekutu politiknya. Dalam Islam, amanah asas penting dalam pembinaan masyarakat dan negara. Allah SWT berfirman dalam **surah al-Nisa' ayat 58**: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, hendaklah kamu menetapkan dengan adil."

Ayat ini dengan jelas meletakkan dua prinsip besar dalam pentadbiran kehidupan manusia, iaitu amanah dan keadilan. Amanah tanpa keadilan boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa, manakala keadilan tanpa amanah sukar dilaksanakan secara konsisten. Oleh sebab itu jawatan bukan keistimewaan untuk mengaut keuntungan, sebaliknya tanggungjawab yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinnya."

Hadis ini bukan hanya ditujukan kepada pemimpin tertinggi negara. Ia meliputi semua manusia berdasarkan amanah masing-masing. Menteri mempunyai amanah. Pegawai kerajaan mempunyai amanah. Ahli akademik dan ulama mempunyai amanah. Ahli perniagaan mempunyai amanah. Ibu bapa mempunyai amanah. Bahkan setiap rakyat mempunyai amanah terhadap pekerjaan, keluarga, masyarakat dan negara. Lebih berat lagi apabila amanah tersebut dikhianati demi kepentingan diri.

Rasuah adalah antara bentuk pengkhianatan amanah yang paling merosakkan kerana ia bukan sahaja melibatkan pemberian atau penerimaan wang secara haram, tetapi turut merosakkan keadilan dan kepercayaan masyarakat. Rasulullah SAW memberikan amaran yang amat keras terhadap rasuah. Baginda bersabda yang bermaksud: "Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah." **(Riwayat al-Tirmizi)**

Perkataan 'laknat' bukan istilah yang ringan. Ia menunjukkan rasuah merupakan perbuatan yang sangat serius kerana ia boleh mengubah keputusan, menafikan hak orang yang layak dan memberikan kelebihan kepada pihak yang mempunyai wang atau pengaruh. Lebih membimbangkan, rasuah boleh bermula daripada sesuatu yang dianggap kecil. Duit kopi, sagu hati, hadiah, pelincir urusan, 'sedekah' atau apa sahaja istilah yang digunakan tidak mengubah hakikat sebenarnya pemberian itu bertujuan mempengaruhi keputusan atau memperoleh sesuatu melalui jalan yang tidak benar. Apabila masyarakat mula menganggap rasuah kecil sebagai perkara biasa, sebenarnya kita sedang menyediakan ruang kepada rasuah yang lebih besar.

Dalam konteks pentadbiran negara, harta awam juga adalah amanah. Rasulullah SAW memberi peringatan keras terhadap pengkhianatan terhadap harta yang berada di bawah tanggungjawab seseorang. Terdapat banyak Riwayat bahawa Nabi SAW menggambarkan keadaan seseorang yang mengambil harta secara tidak sah daripada amanah yang diberikan kepadanya. Pada hari kiamat, apa yang diambil itu akan dibawa bersamanya sebagai bukti pengkhianatannya.

Bayangkan betapa besar implikasinya apabila amanah tersebut melibatkan wang rakyat dalam jumlah yang besar. Wang yang sepatutnya digunakan untuk sekolah, hospital, jalan raya, kebajikan, keselamatan, pendidikan dan pembangunan akhirnya disalahgunakan untuk kepentingan individu atau kelompok tertentu. Hakikatnya, wang rakyat bukan wang kerajaan bukan wang peribadi pemegang jawatan. Seseorang yang diberi amanah mengurus harta awam sebenarnya hanya bertindak sebagai pemegang amanah. Setiap ringgit mempunyai hak yang akan dipersoalkan.

Rasulullah SAW juga mengajar seorang pemimpin atau penjawat amanah bukan sekadar bertanggungjawab kepada manusia, bahkan kepada Allah SWT. Dalam hadis sahih, Baginda menegaskan seseorang pemimpin itu adalah penjaga dan dia akan dipersoal di akhirat kelak terhadap mengenai amanah yang berada di bawah jagaannya. Inilah yang memberikan konsep amanah dalam Islam dengan sekadar integriti pentadbiran. Integriti mungkin dilihat dari sudut etika dan undang-undang, tetapi amanah dalam Islam mempunyai dimensi yang lebih luas kerana ia turut melibatkan dosa pahala dan hisab di akhirat.

Justeru, perjuangan membanteras rasuah tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada agensi penguatkuasaan. Ia mesti bermula daripada pembinaan manusia 'Maqasid Insaniyyah'. Bubapa perlu mendidik anak bahawa mengambil sesuatu yang bukan haknya tetap salah walaupun tiada kamera, tiada saksi dan tiada siapa mengetahuinya. Ketua PTJ perlu mendidik penjawat awam bahawa jawatan bukan tiket untuk mendapatkan kelistimewaan peribadi. Pemimpin perlu mengingatkan ahli perniagaan bahawa keuntungan tidak menghalalkan rasuah. Pemimpin tidak harus menunggang golongan ini untuk mengaut keuntungan peribadi kerana ia adalah punca segala pintu rasuah serta pecah amanah. Rakyat pula perlu mendidik pemimpin negara atau negeri bahawa kuasa bukan hak mutlak, tetapi amanah rakyat yang akan dipersoalkan. Kaedah mendidik pemimpin dengan memilih pemimpin yang berintegriti dan amanah ketika pilihan raya. Masyarakat juga perlu berani menolak budaya 'asal dapat', 'asal selesai' dan 'asal ada orang dalam'.

Kemerdekaan yang sebenar menuntut keberanian untuk berkata tidak kepada rasuah, walaupun rasuah itu menawarkan keuntungan yang besar untuk kabuan peribadi. Rakyat yang merdeka perlu membebaskan diri daripada satu bentuk penjajahan baharu, iaitu penjajahan hawa nafsu yang menyebabkan manusia sanggup menggadaikan prinsip demi wang dan kuasa. Jika penjajahan dahulu merampas tanah, hasil bumi dan kebebasan rakyat, rasuah pula boleh merampas sesuatu yang lebih berbahaya iaitu menghancurkan kepercayaan rakyat terhadap negara dan institusinya sehingga negara boleh tergadai. Perlu diingatkan apabila rakyat tidak lagi percaya kepada keadilan, apabila orang yang layak menjadi pemimpin telah dikalahkan oleh orang yang mempunyai wang dengan merasuah pengundi, apabila keputusan boleh dibeli dan apabila amanah boleh diperdagangkan, maka yang tercicir bukan sahaja ekonomi negara tetapi maruah dan masa depan bangsa.

Atas asas itu sempena sambutan kemerdekaan tahun ini, kita perlu berpegang dengan prinsip-prinsip berikut:

Merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan asing.

Merdeka ialah bebas daripada ketamakan pemimpin yang jahil agama.

Merdeka ialah bebas daripada penjawat awam yang makan rasuah.

Merdeka ialah bebas daripada ahli perniagaan yang memberi rasuah serta menipu dalam melaksanakan projek untuk rakyat.

Merdeka ialah bebas daripada sikap masyarakat yang membudayakan 'duit kopi'.

Merdeka ialah apabila setiap individu mampu berkata: "Amanah tidak boleh dijual beli".

Negara yang kuat bukan hanya negara yang mempunyai ekonomi yang besar, teknologi yang maju dan infrastruktur yang hebat. Negara yang benar-benar kuat ialah negara yang mempunyai rakyat dan pemimpin berintegiti, amanah, institusi yang dipercayai serta sistem yang menegakkan keadilan.

Justeru, marilah kita menjadikan kemerdekaan sebagai satu perjuangan berterusan dan bukan hanya untuk mempertahankan kedaulatan tanah air, tetapi juga untuk mempertahankan integriti, amanah dan maruah negara. Merdeka....!!!

Penulis Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

"Inilah hari pemutusan hukum (yang menentukan siapa yang benar dan siapa yang salah). Kami himpunkan kamu bersama orang-orang yang terdahulu (dari kamu)."

(Surah al-Mursalat, ayat 38)